



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2049]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2070]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 2073]

### USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1978 [Ruangan 2070]

Akta Ehsais, 1976—

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1978 [Ruangan 2071]

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 2073]



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CIAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 14hb November, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**ORANG-ORANG ISLAM DI FILIPINA**

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rah** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan keputusan yang tercapai di antara beliau dengan Presiden Suharto di Labuan baharu-baharu ini di antaranya bercadang hendak menyelesaikan masalah orang-orang Islam di Filipina. Sejauh manakah kejayaan beliau menyelesaikan masalah tersebut.

**Setlansaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto di Labuan baru-baru ini, satu persefahaman telah dicapai untuk membantu supaya Kerajaan Filipina dan pihak Angkatan Pembebasan Nasional Moro menyambung semula rundingan damai mereka. Usaha bersama Malaysia dan Indonesia ialah sumbangan tambahan kedua-dua negara sebagai jiran tetangga kepada negara Filipina dan selaras dengan usaha-usaha yang telahpun dibuat oleh Pertubuhan Negara-negara Islam dalam perkara ini. Walaupun kedua-dua pihak pada prinsipnya menyambut baik cadangan Malaysia dan Indonesia, setakat ini sebelum lagi ada sebarang kemajuan bagi menyambung semula rundingan antara mereka itu.

**KOMPOSISI KAUM DALAM  
PERKHIDMATAN KERAJAAN**

2. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana pihak Kerajaan

hendakkan gambaran berbilang kaum di dalam sektor swasta, adakah sikap yang sama akan ditunjukkan di dalam:

- (a) Perkhidmatan Awam Kerajaan di semua peringkat;
- (b) Angkatan Bersenjata di semua peringkat;
- (c) Pemberian biasiswa, dermasiswa dan pinjaman Pelajaran;
- (d) Pemberian tanah Kerajaan; dan
- (e) Pemberian Pinjaman Perniagaan.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengambilan kakitangan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan dan kesesuaian calon-caiun yang ditemuduga bagi sesuatu jawatan itu. Di samping itu adalah menjadi dasar Kerajaan supaya pengambilan kakitangan di dalam Perkhidmatan Awam dan juga Angkatan Tentera, menggambarkan masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa bilangan calon bukan bumiputra yang memohon jawatan-jawatan dalam Kumpulan "C" dan "D" dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan dan dalam Angkatan Tentera khasnya sebagai anggota-anggota pangkat rendah adalah sedikit jika dibandingkan dengan pemohon-pemohon bumiputra. Keadaan ini terjadi bukanlah kerana kurangnya peluang-peluang yang diberikan tetapi adalah kerana kurangnya minat di kalangan lain-lain kaum untuk memohon jawatan-jawatan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan-jawatan dalam Kumpulan "A", 51% terdiri dari bukan bumiputra dan 49% sahaja terdiri dari bumiputra. Bahkan bagi perkhidmatan iktisas seperti doktor, akauntan

dan jurutera, 75% adalah terdiri dari bukan bumiputra dan hanya 25% terdiri dari bumiputra.

Dalam pemberian biasiswa, dermasiswa dan pinjaman pelajaran, pemberian tanah dan juga pemberian pinjaman perniagaan, pertimbangan adalah diberi kepada semua kaum dan juga mengikut matlamat Dasar Ekonomi Baru. Mengenai pemberian tanah Kerajaan ini sukalah saya menjelaskan di sini bahawa penduduk-penduduk dalam sektor pertanian adalah kebanyakannya terdiri dari satu kaum yang tertentu iaitu bumiputra. Di samping itu sektor pertanian inilah juga terdapat kadar kemiskinan yang tinggi. Oleh itu sebarang usaha pemberian tanah kepada golongan miskin ini yang kebetulannya terdiri dari kalangan bumiputra tidaklah boleh dianggap bahawa Kerajaan mengutamakan satu-satu kaum sahaja dan mengabaikan kaum yang lain.

Mengenai pinjaman perniagaan pula, saya suka menyatakan bahawa semenjak tahun 1969, Tabung Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDF) telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$89.6 juta untuk 262 projek kepada bumiputra, \$454.5 juta untuk 1,407 projek kepada orang-orang China, \$0.8 juta untuk 11 projek kepada orang-orang India dan \$33.5 juta bagi 22 projek kepada rakyat Malaysia bukan bumiputra dalam usahasanya.

Sebenarnya apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya dalam konteks mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan membuat kajian yang teliti tentang angka-angka yang saya telah kemukakan.

### **MENUTUP AURAT BAGI PEKERJA WANITA ISLAM**

3. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) samada beliau sedar tentang adanya halangan-halangan di sekolah-sekolah dan di hospital-hospital untuk murid-murid perempuan Islam dan pekerja-pekerja wanita Islam mengamalkan ajaran Islam mengenai menutup aurat;

(b) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menghalang berlakunya perkara-perkara seumpama itu; dan

(c) dalam menentukan pakaian seragam kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang dikehendaki memakai pakaian seragam, Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada penganut-penganut agama Sikh untuk menyesuaikan pakaian seragam itu dengan ajaran agama mereka. Mengapakah berlaku ke atas orang-orang Islam kejadian-kejadian yang menunjukkan adanya usaha-usaha atau langkah-langkah hendak menghalang wanita-wanita mereka memakai pakaian-pakaian seragam yang menutup aurat seperti yang diwajibkan oleh agama Islam kepada penganut-penganut wanitanya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Naair):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Baling itu, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran telahpun mengeluarkan satu Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1977 bertarikh 28hb Januari, 1977 yang membenarkan peajar-pelajar perempuan memakai tudung kepala untuk menutup aurat mereka dan juga membenarkan mereka memakai seluar panjang ketika mengikuti latihan dalam pendidikan jasmani.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja-pekerja wanita Islam di hospital-hospital, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji semula bentuk uniform pegawai-pegawai/kakitangan wanitanya dengan cara memberi opsyen kepada seseorang pegawai wanita itu menggunakan gown ataupun pantsuit dan apakala dilaksanakan nanti terpulanglah kepada seseorang pegawai wanita itu memakai mana-mana satu uniform yang difikirkan sesuai bagi dirinya. Dalam membuat pengkajian semula bentuk uniform pegawai-pegawai/kakitangan wanita itu, Kementerian Kesihatan berpandukan kepada kesesuaian bentuk uniform itu dengan tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh seseorang pegawai wanita tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Kerajaan adalah berpuashati dengan bentuk pakaian seragam yang dihaskan bagi mereka yang difikirkan sesuai dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka sekarang. Sungguhpun begitu Kerajaan tidak akan membenarkan pegawai-pegawai wanitanya

memakai pakaian yang menjolok mata dan dalam hal ini adalah terpulang kepada Ketua-ketua Jabatan untuk melaksanakan prinsip ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui tidak ada didapati usaha-usaha untuk menghalang pekerja-pekerja wanita yang beragama Islam daripada memakai pakaian seragam yang menutup aurat. Tetapi jikalau berlaku usaha-usaha itu Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam usaha-usaha tersebut. Sekianlah penjelasan saya.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Mengikut kenyataan Menteri Berkenaan tadi bahawa tidak berlaku tegahan terhadap wanita-wanita Islam menutup aurat tetapi ini ada satu arahan daripada Kementerian Kesihatan yang bertarikh 21hb April, 1978 yang menghalang seorang wanita Islam yang bernama Aminah binti Mohd. Noor daripada memakai pakaian yang menutup aurat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana bunyi surat itu, surat daripada siapa dan kepada siapa?

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Ini adalah salinan yang diedarkan kepada semua kakitangan termasuk wanita yang berkenaan iaitu berbunyi:

"Adalah saya diarah merujuk kepada surat tuan Bilangan (107) . . . . . bertarikh 7hb Mac, 1978 berkaitan dengan perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa perkara ini telah dirundingkan dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Berikutan dengan rundingan itu Kementerian telah membuat keputusan bahawa menurut syarat-syarat perkhidmatan kakitangan yang beruniform dalam Kementerian ini adalah tidak dibenarkan memakai apa-apa yang tidak menurut jenis uniform yang ditentukan bagi perkhidmatan. Dan perlu diingat bahawa uniform itu tidak merupakan satu pakaian yang menutup aurat."

Kemudian surat ini telah diedarkan kepada semua kakitangan di Pulau Pinang, Pegawai Kesihatan Luarbandar, Pegawai Kesihatan, Pelabuhan Klang dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila tarikh surat itu?

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tarikh surat ini ialah 21hb April, 1978.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi soalan tambahannya apa?

**Tuan Mohd Nakhai bin Haji Ahmad:** Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa tidak berlaku halangan, dan sekarang ini berlaku. Saya minta beliau membuktikan bahawa perkara itu tidak berlaku.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan membenarkan sesuatu Kementerian atau Jabatan itu membentuk uniform masing-masing mengikut kesesuaian Jabatan atau Kementerian itu sendiri.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Adakah Kerajaan akan berusaha supaya jangan menghalang wanita-wanita Islam menutup auratnya seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam sendiri.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, memang itu sedang dirancang.

## LOJI PEMBANGUNAN DAERAH

4. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang pembekalan alatan Loji Pembangunan Daerah di tiap-tiap jajahan/daerah terutama di Kelantan, tidak memberi faedah dan memalukan pihak Kerajaan, kerana peralatan itu tidak sesuai dan mengalami kerosakan yang tidak dapat dibaiki segera.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu pasti tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu tanpa mengetahui jenis dan kegunaan alatan loji yang dikatakan itu. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan pembekalan alat jentera untuk penyenggaraan jalan-jalan kampung yang telah diberikan baru-baru ini kepada tiap-tiap negeri. Jika inilah alat-alat yang dimaksudkan, maka Kerajaan memang sedar terdapatnya beberapa alat yang telah dibekalkan kepada daerah-daerah di Kelantan telah mengalami kerosakan.

Kerosakan terhadap alat-alat jentera ini memanglah satu perkara yang biasa berlaku dan tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi inilah pertama kalinya sekim penyenggaraan jalan kampung itu dilaksanakan. Selepas sekim ini berjalan beberapa waktu dapatlah pembaikan dibuat berdasarkan pengalaman yang didapati dalam pelaksanaan tersebut. Mungkin juga berlakunya kerosakan itu disebabkan oleh penyalahan dalam penggunaan alat-alat tersebut yang ditempatkan khusus untuk kerja-kerja ringan sahaja dan tidak untuk kerja-kerja berat. Walau bagaimanapun suatu penyiasatan sedang dijalankan dan keadaannya akan diperbaiki, baik dari segi penggunaan maupun kerosakan alat-alat itu.

### PASUKAN BOLASEPAK ASIAN ZONE

5. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada FAM (Football Association of Malaysia) akan meminta FIFA menambahkan lagi keanggotaan pasukan bola sepak yang diuntukkan dalam Asian Zone kerana keanggotaan sekarang terlalu kecil jika dibandingkan dengan European Zone, khususnya United Kingdom di mana dapat memasukkan Scotland dengan menambahkan satu pasukan lagi dalam United Kingdom sendiri, sedangkan mengikut "United Nations Survey on Population" bahawa dalam tahun 2000 jumlah manusia ialah 5.8 billion dan kalau dianggap dalam satu kawasan perkampungan misalnya yang mengandungi 100 orang, maka pecahannya ialah 58 orang Asia, 13 Afrika, 10 Amerika Latin, 9 Eropah, 5 Russia dan 5 Amerika Utara. Berdasarkan kepada faktor ini, adakah Malaysia akan mengemukakan bola sepak Asian Zone. Jika tidak, mengapa?

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, jika kita ingin meminta menambahkan lagi keanggotaan pasukan bola sepak yang diuntukkan dalam Asian Zone, PBM (Persatuan Bola Sepak Malaysia) mesti membuat permintaan kepada FIFA (International Football Federation) melalui AFC (Konfederasi Bola Sepak Asia).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang permintaan yang akan dikemukakan kepada FIFA adalah dibuat

oleh AFC sendiri setelah mendapat persetujuan dari anggota-anggotanya. Keanggotaan sesuatu pasukan bola sepak itu bukanlah bergantung kepada ramai bilangan penduduk tetapi adalah bergantung kepada kemampuan dan kelayakan sesuatu pasukan itu sendiri atau keaktifan bermain bagi tiap-tiap sesuatu Zone.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua FIFA telah bercadang baru-baru ini untuk menambahkan bilangan pasukan, daripada 16 ke 24, dengan tujuan untuk menambahkan lagi penyertaan pasukan-pasukan termasuk pasukan-pasukan daripada Zon Asia. Keputusan hal ini akan dibahaskan sekali lagi apabila FIFA bermesyuarat dengan Jawatankuasa Pengelola Sepanyol di Zurich pada bulan April 1979. Ini adalah kerana persetujuan tuan rumah pertandingan juga diperlukan.

### HARGA GETAH

6. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada cadangan-cadangan rancangan menstabilkan harga getah antarabangsa yang dikemukakan oleh negara-negara yang mengeluarkan getah kepada UNCTAD telahpun diterima. Jika ia, sila berikan maklumat dengan panjang lebar dengan pembentukan rancangan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan rancangan menstabilkan harga getah antarabangsa yang dikemukakan oleh negara-negara pengeluar getah telahpun diperbincangkan dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) untuk mengadakan satu perjanjian antarabangsa bagi menstabilkan harga bahan tersebut di bawah Rancangan Integrasi bagi Barangan (Integrated Programme for Commodities). Pada dasarnya negara-negara pengguna telah bersetuju untuk mengujudkan satu perjanjian bagi menstabilkan harga getah asli. Mesyuarat Kumpulan Persediaan bagi Getah di bawah UNCTAD yang telah berlangsung di Genewa mulai 28hb Ogos—8hb September 1978 telah menyediakan satu dokumen bercorak satu deraf perjanjian. Dokumen ini

akan dibentangkan dalam Persidangan Perundingan Getah Asli oleh UNCTAD di Geneva mulai 13hb November—8hb Disember, 1978.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian yang dicadangkan itu antara lain akan mempunyai peruntukan menubuhkan stok penimbal getah. Beberapa perkara seperti saiz stok penimbal, sumbangan negara-negara bagi stok penimbal, paras harga bumbung dan lantai (ceiling price and floor price) gred-gred untuk stok penimbal dan lain-lain hal berkaitan dengan operasi stok penimbal belumlah diselesaikan. Dalam mesyuarat yang sedang dijalankan di Geneva adalah diharapkan perkara-perkara seperti ini dapat dipersetujui di antara negara-negara pengeluar dan pengguna. Dengan yang demikian perjanjian untuk menstabilkan harga getah asli di peringkat UNCTAD adalah dijangka akan dapat dicapai tidak berapa lama lagi.

## **PENGANGKUTAN AWAM BANDARAYA KUALA LUMPUR**

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di dalam Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (b) samada Kementerian beliau mempunyai rancangan jangka panjang untuk mengkaji kelemahan-kelemahan sistem pengangkutan awam sekarang, dan samada Kementerian akan menjemput sektor swasta untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam yang ada sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur memerlukan langkah yang integrated dengan usaha bagi memperbaiki sistem lalu-lintas dalam bandaraya. Maklumat-maklumat berhubung dengan usaha memperbaiki sistem lalulintas seperti meluaskan jalan,

memperbaiki simpang-simpang, membina jalan-jalan lingkaran, membina jejambat-jejambat dan membina jambatan-jambatan lintas telah saya berikan dalam sidang Dewan yang mulia ini pada 7.11.78 semasa memberi jawapan kepada pertanyaan mulut. Dengan itu saya tidak akan mengulangi detail-detail yang berhubung dengan perkara ini. Memadailah jika sekiranya saya maklumkan bahawa Second Kuala Lumpur Urban Transport Project atau Projek Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur yang Kedua juga mengandungi aspek-aspek memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur seperti:

- (i) Bagi membantu ke arah pelaksanaan "Area Road Pricing" Kerajaan telah menambah keupayaan (capacity) bas penumpang kepada 40 buah bas sejam. Jumlah bas mini juga akan ditambah kepada 50 buah.
- (ii) Mengatur semula jalan-jalan bas di Pusat Bandar dan ini akan mengurangkan masa berjalan serta pemindahan (transfers) ke bas lain. Sistem membawa bas masuk ke Pusat Bandar akan dapat menjimatkan masa bagi penumpang. Sekim ini akan dilaksanakan bersama dengan mengadakan perhentian-perhentian bas yang sesuai, tempat-tempat menunggu dan berlindung serta penerangan mengenai jalan-jalan bas.
- (iii) Memperbaiki mutu perkhidmatan bas dengan mensyaratkan bas-bas lama digantikan dengan bas-bas yang baru. Dalam ucapan Belanjawannya baru-baru ini, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengumumkan beberapa langkah bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam pada keseluruhannya seperti berikut:
  - (a) Mengurangkan eksais duti bagi bas-bas baru daripada 15% kepada 5%.

- (b) Mengurangkan cukai injin bas-bas sebanyak 25% lagi.
- (c) Menghapuskan mulai 1.1.79 bayaran cukai tempat duduk bagi bas-bas yang had umurnya tidak melebihi 12 tahun pada 1.1.76.
- (iv) Di samping itu Kerajaan akan meneruskan kajian-kajian terhadap perkhidmatan pengangkutan awam dari semasa ke semasa dan juga mengkaji mutunya bagi mendapatkan data-data yang diperlukan bagi perancangan masa depan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam ini. Maklumat-maklumat yang boleh didapati itu ialah:
  - (a) samada orang ramai lebih menggunakan bas atau kereta;
  - (b) samada perkhidmatan bas mendapat sambutan penuh atau tidak daripada orang awam;
  - (c) bagaimanakah perjalanan bas tergendala oleh sebab kesesakan lalu-lintas; dan
  - (d) samada tambang bas berseesuaian dengan kos perkhidmatannya.
- (b) Segala usaha kearah memperbaiki sistem pengangkutan awam tentulah melibatkan sektor swasta dan dengan itu pihak Kerajaan senantiasa menghubungi dan meminta kerjasama pihak swasta dalam hal ini. Setakat ini sambutan mereka adalah baik.

Dengan adanya penubuhan Majlis Penasihat Pengangkutan Awam yang juga dianggotai oleh pihak swasta maka adalah diharap kerjasama yang irat dan berkesan daripada pihak swasta akan didapati bagi membolehkan memperbaiki mutu sistem pengangkutan awam.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen samada Kerajaan bercadang untuk menjalankan kajian terhadap sistem monorail dan

subways sebagai satu langkah untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab kepada soalan yang sama dalam soalan jawab mulut pada 7.11.78 yang lalu perkara hendak mengadakan sistem monorail atau subways itu adalah perkara yang bukanlah tidak ada dalam pertimbangan Kerajaan. Tetapi hendak mengadakan sistem seumpama itu adalah bergantung kepada perkembangan Bandaraya Kuala Lumpur kepada perkembangan penduduknya dan kepada keupayaan perkhidmatan awam yang ada padanya. Dan juga kepada kos yang tentu tinggi dalam melaksanakan sistem seumpama ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Di bandar-bandar moden yang lain dalam dunia ini sistem pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas dikendalikan sendiri oleh pihak yang berkuasa bandaraya tersebut. Adakah Bandaraya Kuala Lumpur bermaksud sebagai satu langkah jangka panjang hendak mengendalikan sendiri perkhidmatan bas bagi kawasan Kuala Lumpur ini untuk memastikan bahawa yang diutamakan ialah efficiency dan bukan keuntungan?

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang matlamat Kerajaan dalam kajian bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam itu adalah supaya pengangkutan itu efficient. Dalam keadaan sekarang ini belum lagi ada apa-apa cadangan hendak menjalankan sistem pengangkutan awam itu oleh pihak Bandaraya.

#### GURU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) KUALA KUBU BAHRU

8. **Tuan Lim Kit Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa pada 10hb Ogos, 1978 beberapa orang murid Darjah II Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Kuala Kubu Bahrui telah dipukul di kepala mereka oleh seorang guru yang menggunakan sebuah bottle "essence of chicken" yang telah menyebabkan dua laporan Polis dibuat oleh

ibubapa-ibubapa murid-murid berkenaan, dan samada seorang murid perempuan bernama Sendra Sengiah pengsan akibat dipukul di kepalanya dan terpaksa dirawat di hospital selama tiga hari; dan nyatakan apakah tindakan Kementerian beliau telah ambil terhadap guru berkenaan dan juga untuk melindungi murid-murid sekolah daripada serangan-serangan yang kejam dan tidak berperimusiaan seperti itu.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar akan tuduhan mengenai peristiwa yang terjadi pada 10hb Ogos, 1978, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Kuala Kubu Bahru, Selangor dan perkara-perkara yang berlaku kemudiannya.

Penyiasatan telahpun dijalankan terhadap perkara ini. Di samping itu pihak Polis sendiri dipercayai sedang mengambil tindakan kes ini sedang dikaji oleh Kementerian Pelajaran sendiri dan apa-apa juga tindakan disiplin yang didapati perlu akan diambil.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, arahan-arahan dan panduan-panduan yang jelas telahpun dibuat oleh Kementerian keseluruh lapisan sekolah-sekolah untuk memastikan pentadbiran disiplin di kedua-dua kalangan murid dan guru. Sayugia diingat bahawa selain daripada Kementerian sendiri mengambil daya utama di dalam kes-kes melanggar disiplin, samada murid atau guru, adalah menjadi tanggungjawab orang ramai, terutama sekali ibubapa, mengadu dan melaporkan kejadian-kejadian yang sangat tidak diinginkan ini.

Sekiranya perlu, pihak Polis juga hendaklah dilibatkan dan saya sendiri tidak menghalang mana-mana pihak juga terus membuat aduan atau laporan kepada pihak Polis sekiranya didapati sesuatu kejadian itu begitu serius. Guru-guru, murid-murid dan orang ramai haruslah diingatkan bahawa kejadian-kejadian seperti yang tersebut di dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu, sekiranya buktinya diterima jelas, tidak harus diterima sebagai masalah pelanggaran disiplin tetapi sebagai masalah jenayah. Seperti tertera di dalam Perlembagaan negara kita, tidak seorang pun manusia yang ada di dalam negara kita ini terkeluar daripada keluhuran undang-undang.

**Tuan Lim Kit Slang:** Soalan tambahan. Yang nyata dalam soalan ini dan juga dalam jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa terdapat dua laporan, bukan satu laporan Polis yang dibuat oleh kerana ada dua orang murid yang terlibat. Tetapi selain daripada siasatan Polis mengenai perkara ini sebagai satu perkara jenayah, oleh kerana pukulan ini bukan sahaja kejam tetapi tidak berperikemanusiaan, soalan saya ialah selain daripada siasatan Polis dan kes Polis, apa tindakan Kementerian Pelajaran sudah ambil dan kenapa satu perkara yang begitu besar yang melibatkan kes-kes jenayah atau kes-kes pukulan kejam dan tidak berperikemanusiaan, kenapa Kementerian Pelajaran mengambil 3 bulan dan selepas 3 bulan daripada peristiwa ini berlaku tindakan belum diambil. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri sedang ambil untuk menjaga kepentingan lain-lain murid dalam kelas itu?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soal ini ialah satu soal yang serious, Ahli Yang Berhormat sebagai seorang peguam tentulah faham bahawa justice ataupun keadilan yang hendak diputuskan oleh Kementerian hendaklah berasas kepada siasatan yang lengkap. Kalau saya sendiri tidak puas hati bahawa sesuatu perkara itu berkehendakkan kajian yang lengkap ataupun apa juga kajian yang dibuat belum lengkap lagi maka saya tidak sedia hendak mengambil tindakan. Oleh sebab perkara ini begitu serious, saya terpaksa mengambil masa yang begitu lama. Ada perkara-perkara yang tidak berkehendakkan masa yang begitu lama, saya dengan tegas mengambil tindakan disiplin.

**Tuan Lim Kit Slang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa siasatan yang lengkap tentulah mesti diambil tetapi ada laporan perubatan (medical report) mengenai keadaan murid-murid yang kena pukul yang terbukti dan ada surat aduan daripada pihak ibubapa dalam sekolah itu—PIBG kepada Kementerian Pelajaran, adakah satu sebab mengapa masa yang begitu panjang diambil oleh kerana guru-guru yang terlibat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya jangan berbelit-belit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, adakah salah satu sebab mengapa tindakan tatatertib tidak diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah oleh kerana guru tersebut adalah seorang tokoh dalam UMNO di kawasan itu dan wakil peribadi Menteri Perumahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau lagi sekali membuat soalan begini, saya tidak benarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (a).

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya samada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang-panjang, tidak boleh! Kalau sudah beberapa kali dan beberapa penggal di sini masih juga lagi tidak tahu, saya bacakan.

"23 (1) Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini:

- (a) dalam sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata yang sebenar-benarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu;"

Kalau itu kurang jelas, saya bacakan dalam bahasa Inggeris:

"23. (1) Every question shall conform to the following rules:

- (a) a question shall not include the names of persons or statements not strictly necessary to render the question intelligible;"

Ini berbelit-belit dan meleret-leret, lain kali saya tidak benarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik sudah cukup. Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam mana-mana lapisan juga samada dalam mahkamah ataupun di dalam sesuatu perkara di mana ada jadi tuduhan walau bagaimanapun bukti dikeluarkan, walau bagaimanapun disokong dengan surat-surat yang tertentu, pihak yang dituduh juga harus ditanya ataupun kita menerima laporan-laporan daripadanya dan siasatan-siasatan harus juga diadakan supaya gambaran itu dapat dengan balance. Di dalam

undang-undang pun; saya minta maaf, saya bukan peguam tetapi Ahli Yang Berhormat ini nampaknya cekap di alam soal undang-undang, dalam undang-undang pun kalau ada sesuatu kejadian, kalau pun aduan dibuat, bertulis bagaimanapun, mesti hendak didengar dari kedua-dua pihak dan setelah didengar kedua-dua pihak pun barangkali terpaksa satu pihak yang neutral membuat penyiasatan. Jadi, kejadian yang begini tidak dengan cara automatik dapat surat sahaja daripada ibubapa ataupun daripada murid, terus diambil tindakan disiplin—tidak harus, ini bukan justice dari segi Kementerian Pelajaran malahan ini bukan merupakan satu konsep justice di dalam Kerajaan kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak pernah mendengar satu syarahan justice daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Soalan saya ialah kenapa Kementerian Pelajaran mahu mengambil masa tiga bulan yang begitu panjang dalam satu perkara di mana aduan telah dibuat, aduan boleh dapat disiasat dari kedua-dua pihak, mengapa mengambil masa tiga bulan? Adakah oleh kerana guru tersebut seorang tokoh UMNO dalam kawasan ini?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, ini ialah merupakan tuduhan tetapi jawabnya ialah tidak benar sekali-kali, malahan saya sebagai Menteri Pelajaran tidak pernah mendengar pun bahawa guru yang berkenaan ada penglibatannya dengan sesiapa pun malahan kes yang saya lihat ini tidak berasas kepada kenalan, saudara ataupun sahabat andai kepada saya atau kepada sesiapa pun, jadi jawabnya tidak sekali-kali.

## PELABURAN SWASTA

9. **Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana Kerajaan telah berjaya dalam usaha-usahanya untuk memenuhi matlamat pelaburan swasta sebanyak \$26.8 billion bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

**Setiasusaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 1977, Pelaburan Swasta—tidak termasuk pelaburan minyak—dianggarkan berjumlah sebanyak

\$7.6 billion atau 28.4 peratus daripada matlamat untuk keseluruhan tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan mengambil kira pelaburan minyak, angka-angka ini meningkat kepada \$8.2 billion atau 30.6 peratus. Pelaburan swasta—tidak termasuk pelaburan minyak—dalam harga tetap tahun 1970, telah meningkat dengan kadar 2.3% dalam tahun 1976 dan 7.8% dalam tahun 1977, dan pada tahun 1978 adalah dianggar akan meningkat dengan kadar 9%. Ini menjadikan jumlah Pelaburan Swasta—tidak termasuk pelaburan minyak—dianggarkan sebanyak \$8.3 billion dan termasuk pelaburan minyak sebanyak \$9 billion dalam tahun 1978, iaitu lebih kurang 35 peratus daripada matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Prestasi ini adalah memuaskan memandangkan kepada kemelesetan ekonomi dunia dan pemulihannya yang perlahan. Kerajaan, walau bagaimanapun, yakin bahawa Pelaburan Swasta akan meningkat naik pada tahun ini dan akan berkembang dengan lebih pesat dalam dua tahun yang akan datang. Petunjuk-petunjuk seperti data mengenai pinjaman dan pendahuluan, imput barang-barang modal, kegiatan pembinaan dan permohonan-permohonan baharu yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) telah mengesahkan arah-aliran ini.

Namun demikian, keterangan lanjut mengenai perkara ini akan dikemukakan nanti di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

#### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI AHLI PARLIMEN

10. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) berapa banyak seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional diberikan setahun untuk projek pembangunan di kawasan-nya;
- (ii) namakan Kementerian di mana wang itu dikeluarkan; dan
- (iii) sebab mengapa Ahli Parlimen Pembangkang tidak diberikan wang yang sama sungguhpun mereka juga dilantik mengikut Perlembagaan dan Undang-undang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa satu soalan yang bermaksud sama telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober yang lalu dengan panjang lebar. Dengan yang demikian tidak perlulah lagi saya menjawab semula soalan itu.

#### PATUNG-PATUNG KUIL HINDU

11. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar akan perbuatan sekumpulan beliau yang fanatik dalam agama memusnahkan patung-patung di setengah-setengah kuil Hindu. Jika sedar, apakah hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas diri mereka yang terlibat andainya mereka ditangkap dan didapati bersalah. Dan apakah langkah-langkah yang akan dikemukakan oleh Kementerian untuk mencegah beriakannya lagi perbuatan tersebut.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang serupa telah pun saya jawab di dalam Dewan ini pada 18hb Oktober, 1978. Walau bagaimanapun, mengenai hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang terlibat dan didapati bersalah adalah terpujang kepada mahkamah-mahkamah berkenaan untuk menentukan.

#### SHELL MALAYSIA TRADING SDN. BHD.

12. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa syarikat-syarikat swasta seperti Shell Sdn. Bhd. telah membezakan pekerja-pekerja mahir di antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra, walaupun Bumiputra ada kemahiran tetapi tidak diberi peluang:

- (a) berapa banyak pekerja mahir Bumiputra; dan
- (b) berapa banyak bukan Bumiputra dalam syarikat tersebut dalam tahun 1977.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya syarikat yang

dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. kerana tidak ada syarikat yang bernama Shell Sdn. Bhd.

Daripada penyiasaan yang dijalankan tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pekerja-

pekerja mahir Bumiputra telah didiskriminasikan di Syarikat ini. Angka-angka yang berikut menunjukkan bilangan dan peratusan pekerja-pekerja Bumiputra dan bukan Bumiputra yang mahir digaji oleh Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. pada akhir tahun 1977.

| <i>Bumiputra</i> | <i>China</i> | <i>India</i> | <i>Lain-lain</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|--------------|--------------|------------------|---------------|
| 75 (51.4%)       | 48 (32.9%)   | 22 (15.1%)   | 1 (0.6%)         | 146 (100%)    |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggaji dan syarat-syarat prkhidmatan bagi semua pekerja-pekerja termasuk pekerja-pekerja yang mahir adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perjanjian bersama yang di peretujui di antara pihak majikan dan Kesatuan Sekerja. Perjanjian bersama yang sedang berjalan di syarikat ini sekarang ialah dari 1977 hingga 1980.

Pihak syarikat telah memberi jaminan bahawa semua pekerja tanpa mengira bangsa atau keturunan, adalah diberi peluang-peluang yang sama dan adil bagi dinaikkan pangkat yang dijalankan berpandukan kepada tempoh perkhidmatan, pengalaman dan merit seseorang pekerja itu.

#### PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA

#### 13. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatahan:

- (a) mengapa perjalanan bebas rakyat Malaysia yang mempunyai Pasport Antarabangsa ke semua negara sosialis dan komunis yang mempunyai hubungan diplomatik penuh dengan Malaysia tidak diberi;
- (b) samada tidak keengganan memberi perjalanan bebas kepada rakyat Malaysia yang mempunyai Paspot Antarabangsa ke negara-negara sosialis dan komunis bertentangan dengan hak asasi manusia yang menjamin perjalanan bebas ke negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik penuh dengan Malaysia; dan
- (c) bolehkah Kerajaan melonggarkan segala sekatan ke atas perjalanan bebas rakyat Malaysia supaya membolehkan rakyat Malaysia melawat negara-negara ini yang mempunyai hubungan diplomatik penuh dengan Malaysia.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-hajj:** Tuan Yang di-Pertua, dengan terjalannya hubungan diplomatik dengan negara-negara asing bukanlah memberi kebebasan perjalanan sebagaimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu. Inilah sebab diadakan surat perjalanan dan terpulanglah kepada negara-negara masing-masing untuk membuat syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang difikirkan perlu.

Bagi negara kita Kerajaan bukanlah tidak membenarkan langsung rakyat Malaysia membuat perjalanan ke negara sosialis dan komunis tetapi Kerajaan perlu mengadakan kawalan perjalanan demi menjaga keselamatan dan kepentingan negara.

Bagi jawapan (b), kawalan perjalanan yang diadakan oleh Kerajaan itu tidaklah bertentangan dengan Hak Asasi Manusia kerana Hak Asasi Manusia itu sendiri tidak akan bererti jika keselamatan dan kepentingan negara terancam. Kerajaan juga bukanlah menghalang langsung rakyat Malaysia melawat negara sosialis dan komunis itu dan mereka yang hendak melawat negara tersebut boleh membuat permohonan untuk mendapat kebenaran dan akan ditimbang dengan sewajarnya. Kawalan yang serupa juga adalah diamali oleh negara-negara lain di atas sebab-sebab kepentingan negara masing-masing. Mengadakan sistem surat perjalanan itu sendiri adalah merupakan satu amalan antarabangsa.

Bagi jawapan (c), pihak Kerajaan telah sedia memberi kelonggaran iaitu membenarkan setiap warganegara Malaysia memohon untuk mendapat kebenaran. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan lebih lagi kawalan itu demi menjaga keselamatan dan kepentingan negara. Namun demikian Kerajaan akan

mengkaji perkara ini dari masa ke semasa menurut keadaan dan perkembangan negara.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rakyat Malaysia yang mempunyai pasport antarabangsa dibenar melawat Taiwan, iaitu satu pulau yang dengannya kita tidak mempunyai apa-apa hubungan pun diplomatik dan tidakkah ini bertentangan kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain seperti Cuba, Republik Rakyat China, Vietnam, Russia dan lain-lain negara komunis di mana kita mempunyai hubungan diplomatik yang penuh yang kita tidak dibenarkan melawat secara bebas umpamanya China di mana kita telah mempunyai hubungan diplomatik selama 5 tahun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam jawapan permulaan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memberi jawapan iaitu perhubungan diplomatik di antara sesebuah negara itu tidak mesti diberi kebebasan perjalanan dengan sewenang-wenangnya. Itu isi jawabannya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menambah?

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa kebebasan dan kelonggaran perjalanan yang diberi kepada rakyat Malaysia sekarang ini adalah lebih bebas dan lebih liberal jika dibandingkan dengan negara-negara sosialis dan negara-negara komunis? Jika sedar, apakah Kerajaan bercadang untuk memperketatkan lagi kawalan dan sekatan serta pengeluaran pasport antarabangsa perjalanan ini supaya agen-agen yang tidak diingini akan hidup subur dalam negara ini?

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar di atas perkara ini dan dasar yang dijalankan sekarang adalah memuaskan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah jawapan yang diberikan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sungguhpun hubungan diplomatik sudah diadakan dengan negara-negara sosialis dan komunis, tetapi yang lebih mustahak ialah dari segi keselamatan. Maka adakah ini bererti bahawa rakyat Malaysia hendak mengadakan kunjungan ke negara-negara komunis dan sosialis seperti Russia dan Republic of China permohonan mereka selalu ditolak? Adakah ini bererti bahawa kunjungan rakyat Malaysia ke negara-negara tersebut adalah merupakan satu ancaman terhadap keselamatan negara kita?

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan tadi bahawa tiap-tiap permohonan adalah ditimbang menurut merit dan tidaklah selalunya ditolak.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT  
RANG UNDANG-UNDANG  
PIHAK BERKUASA  
KEMAJUAN PEKEBUN-KECIL  
PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan getah 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL-USUL**

**AKTA KASTAM, 1967**

**Perintah Duti Kastam  
(Pindaan) (No. 21), 1978**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 42 tahun 1978 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk meminda kadar-kadar duti import atas buah-buahan, minyak wangi dan alat solek, alat-alat musik, peti T.V. dan sebagainya seperti yang dicadangkan untuk Belanjawan 1979. Perubahan duti-duti berkenaan adalah seperti yang disenaraikan dalam Lampiran III kepada ucapan Belanjawan 1979 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 20hb Oktober, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 42 tahun 1978 disahkan.

#### **AKTA EKSAIS, 1976**

##### **Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1978**

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976. Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 43 tahun 1978 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk meminda kadar cukai eksais atas peti T.V. seperti yang dicadangkan untuk Belanjawan 1979. Butir-butir lanjut mengenai perubahan cukai eksais yang berkenaan adalah seperti di Lampiran IV dalam ucapan Belanjawan 1979 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 20hb Oktober, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 43 tahun 1978 disahkan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979**

DAN

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979**

*Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Yang Pertama).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan minggu yang lalu, Majlis telah memutuskan bahawa Rang Undang-undang di hadapan Majlis ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan juga Majlis telah meluluskan bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari itu supaya dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa bagi Majlis ini. Sekarang Majlis bersidang di dalam Jawatankuasa.

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan**  
Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat mewakili Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan Anggaran

Perbelanjaan Pengurusan Kepala B. 1 hingga B. 14 dan Anggaran Pembangunan Kepala P.8, P.9 dan P. 10 sekarang.

*Maksud B. 1, B. 2., B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14 (Jadual) Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1979)*

3.21 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Sharif bin Abdul Samad):** Tuan Pengerusi, sukalah saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1979 di bawah Maksud-maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B.12, B. 13 dan B. 14 diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah Maksud-maksud yang disebutkan adalah seperti berikut:

*Maksud B. 1—Parlimen*

Jabatan Parlimen memerlukan peruntukan sebanyak \$7,346,600

*Maksud B. 2—Majlis Raja-raja*

Anggaran Belanja Mengurus yang dikehendaki ialah \$217,200

*Maksud B. 3—Jabatan Odit*

Jabatan Odit memerlukan peruntukan sebanyak \$12,525,700.

*Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya*

Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya memohon peruntukan sebanyak \$3,446,200.

*Maksud B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*

Jumlah anggaran yang diperlukan ialah sebanyak \$2,417,800.

*Maksud B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi*

Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi memerlukan peruntukan perbelanjaan Mengurus berjumlah \$135,000 sahaja.

*Maksud B. 7—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran*

Jumlah peruntukan yang diperlukan oleh Suruhanjaya ini ialah \$1,526,600.

*Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri*

Peruntukan Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Perdana Menteri ialah sebanyak \$111,039,700.

Pemberian subsidi kepada Lembaga Urusan dan Tabong Haji sebanyak \$4,783,150; Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan sebanyak \$14,587,200 dan peruntukan khidmat Bimbingan oleh PERNAS Edar Sendirian Berhad sebanyak \$2 juta adalah juga termasuk dalam Anggaran Belanja Mengurus Jabatan ini.

*Maksud B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam*

Jabatan Perkhidmatan Awam berkehendakkan peruntukan sebanyak \$167,001,600. Ini merupakan kelebihan sebanyak \$32.6 juta daripada peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun 1978 seimbang dengan penambahan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan ini.

*Maksud B. 10—Jabatan Kehakiman*

Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Kehakiman adalah sebanyak \$15,791,300.

*Maksud B. 11—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah*

Sejumlah \$865,700 adalah dikehendaki bagi membiayai pentadbiran Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.

*Maksud B. 12—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak*

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak berkehendakkan peruntukan sebanyak \$2,737,400.

*Maksud B. 13—Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia*

Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia akan terus bergiat dalam usaha-usaha penerbitan, penyelidikan dan menganjurkan beberapa seminar dalam tahun 1979.

Jumlah peruntukan yang dikehendaki ialah \$2,035,300.

### *Maksud B. 14—Jabatan Perangkaan*

Jabatan Perangkaan memerlukan peruntukan sebanyak \$19,552,900 untuk memungut, menyusun, mentafsir dan menerbitkan siri-siri perangkaan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya sekarang beraleh kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1979 bagi Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan mengusulkan supaya peruntukan Maksud-maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 diluluskan. Anggaran bagi Maksud-maksud berkenaan adalah seperti berikut:

#### *Maksud P. 8—Jabatan Perdana Menteri*

Jumlah Anggaran Pembangunan bagi tahun 1979 yang dikehendaki adalah sebanyak \$266,159,475 dan ini adalah merupakan tambahan sebanyak \$78.6 juta daripada peruntukan tahun 1978. Tambahan yang besar adalah untuk maksud pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan Luar Bandar, menyediakan kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi peniaga-peniaga kecil dan pinjaman kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad. Selain daripada itu saya ingin memberikan sedikit maklumat mengenai peruntukan yang diberikan di bawah butiran-butiran berkenaan.

### *SEMENANJUNG MALAYSIA*

#### *Butiran 1*

Peruntukan sebanyak \$11.9 juta adalah diperlukan bagi meneruskan kajian-kajian rancangan yang sedang dilaksanakan dan juga untuk melaksanakan kajian-kajian rancangan baru. Tujuan kajian-kajian rancangan ini ialah untuk memastikan kesesuaian dan manfaat yang akan diperolehi dari sesuatu projek yang dirancang sebelum ianya dilaksanakan.

#### *Butiran 2*

Peruntukan sebanyak \$90,000 adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan berhubung dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMT).

### *Butiran 3*

Perlaksanaan projek penilaian Puncapunca Alam Semulajadi ini adalah bergantung kepada Jabatan Ukur Malaysia untuk mengambil dan menyediakan foto yang diambil dari udara. Dipercayai semua kerja-kerja projek yang dirancang oleh Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan dapat diselesaikan dalam tahun 1978. Namun begitu, peruntukan tambahan sebanyak \$10 adalah diperlukan untuk memudahkan mendapat tambahan peruntukan sekiranya projek tersebut tidak dapat diselesaikan sepenuhnya sebagaimana yang dijadualkan.

#### *Butiran 8*

Peruntukan sebanyak \$165,000,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan projek-projek jalan luar bandar di negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Projek ini adalah di bawah "accelerated rural road programme".

#### *Butiran 9*

Peruntukan sebanyak \$5.8 juta adalah diperlukan dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sosial seperti balairaya, padang permainan dan sebagainya untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar di seluruh Semenanjung Malaysia.

#### *Butiran 10*

Peruntukan sebanyak \$5,039,425 adalah diperlukan bagi melaksanakan projek perancang keluarga dan/atau projek kependudukan yang dibiayai bersama oleh Kerajaan Malaysia dengan pinjaman Bank Dunia dan pemberian dari Tabung Bangsa-bangsa Bersatu.

Projek kependudukan ini adalah termasuk pembinaan pusat-pusat perancang keluarga, klinik-klinik perancang keluarga dan pusat kesihatan ibu dan kanak-kanak.

#### *Butiran 13*

Peruntukan sebanyak \$3.6 juta adalah diperlukan untuk melaksanakan pembinaan Bangunan Baru untuk Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Ugama) di Pusat Islam dan perbelanjaan meratakan tapak untuk membina Pusat Islam yang baru

di belakang Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu, Kuala Lumpur.

#### *Butiran 14*

Peruntukan sebanyak \$2,603 juta diperlukan untuk melaksanakan projek Yunit Amalan Nilai Pemakanan di kawasan-kawasan luar bandar untuk memperbaiki taraf pemakanan penduduk-penduduk di luar bandar.

#### *Butiran 15*

Peruntukan sebanyak \$210,000 yang diperlukan oleh Cawangan Komputer, Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan usaha-usaha mengumpulkan maklumat-maklumat dan data-data yang terbaru dengan tujuan untuk memudahkan merangka dasar-dasar dan merancang pembangunan.

#### *Butiran 16*

Peruntukan sebanyak \$3.5 juta adalah diperlukan kerana Kerajaan Malaysia dikehendaki membiayai bersama dengan agensi Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) bagi projek-projek yang dahulunya dibiayai sepenuhnya oleh UNDP secara pemberian langsung (grant). Projek-projek yang dimaksudkan ini adalah seperti Pusat Kemajuan Kurikula, Pusat Kemajuan Perhutanan dan sebagainya.

#### *Butiran 17*

Peruntukan sebanyak \$810,000 adalah diperlukan bagi membiayai kerja-kerja mengumpul dan mencantumkan data-data mengenai berbagai aspek sosio-ekonomi termasuk pola pemilikan tanah, pola kepunyaan harta, trend guna tenaga, perubahan penduduk dan lain-lain lagi. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah bertujuan untuk merangka dasar-dasar pembangunan yang sesuai dan juga untuk menilai pelaksanaan dasar-dasar yang telah dilancarkan itu.

#### *Butiran 18*

Peruntukan sebanyak \$587,000 adalah diperlukan bagi menampung baki perbelanjaan untuk menempatkan semula mangsa-mangsa banjir yang terlibat dalam bencana banjir yang berlaku berulang kali di Kelantan.

#### *Butiran 19*

Peruntukan sebanyak \$11.5 juta adalah diperlukan bagi menyediakan tempat-tempat perniagaan serta mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur untuk peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja di kawasan bandar di seluruh Semenanjung Malaysia bagi menjalankan perusahaan mereka. Ini adalah merupakan satu-satu langkah Kerajaan untuk mengatasi kemiskinan di bandar-bandar.

#### *Butiran 20*

Peruntukan sebanyak 150,000/- adalah dibekalkan dalam tahun 1979 kepada Lembaga Perpaduan Negara untuk membolehkan agensi yang berkenaan membina 6 buah Pusat Aktiviti Majlis Perhubungan Masyarakat di Bandar-bandar di Semenanjung Malaysia.

#### *Butiran 21*

Peruntukan sebanyak \$45.0 juta adalah diperlukan bagi membayar bunga (interest payment) mengenai "bridging loan" dan sebanyak \$760,000 lagi diperlukan sebagai sumbangan Kerajaan kepada MISC bagi menubuhkan "Pusat Latihan Perkapalan di Melaka". Selain daripada itu peruntukan tanda (10) adalah diperlukan di bawah "Saham" supaya memudahkan mendapat tambahan peruntukan baginya sekiranya keadaan memerlukan kelak.

#### *Butiran 22*

Peruntukan sebanyak \$5.0 juta adalah untuk membeli alat/perkakas komputer dan membayar sewa Tahunan bagi komputer di Bilik Gerakan Jabatan Perdana Menteri.

#### *Butiran 23*

Peruntukan tanda sebanyak \$10 juga adalah dibekalkan dalam tahun 1979 yang bertujuan untuk memudahkan tambahan peruntukan diberi bagi projek menyelenggara jalan-jalan kampung sekiranya keadaan memerlukan kelak.

### **SARAWAK**

#### *Butiran 31*

Peruntukan sebanyak \$1.6 juta adalah diperlukan bagi melaksanakan kajian-kajian

rancangan tentang infrastruktur dan industri di Sarawak. Tujuan kajian-kajian rancangan ini ialah untuk memastikan kesesuaian dan munafaat yang akan diperolehi dari sesuatu projek yang dirancangkan sebelum projek itu dilaksanakan.

#### *Butiran 32*

Peruntukan sebanyak \$900,000 adalah diperlukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sosial seperti balairaya, padang permainan dan sebagainya yang bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar di negeri Sarawak.

#### *Butiran 33*

Peruntukan sebanyak \$75,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan projek Amalan Nilai Pemakaman di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dengan tujuan untuk memperbaiki taraf pemakaman mereka.

#### *Butiran 34*

Peruntukan sebanyak \$210,000 adalah diperlukan bagi menyediakan tempat-tempat perniagaan serta mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur untuk peniaga dan penjaja kecil di kawasan-kawasan bandar bagi menjalankan perniagaan mereka.

#### *Butiran 35*

Peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah diperlukan dengan tujuan untuk memudahkan tindakan diambil untuk mendapatkan tambahan peruntukan bagi meneruskan pelaksanaan projek jalan-jalan luar bandar di Sarawak sekiranya keadaan memerlukan kelak.

### **SABAH**

#### *Butiran 41*

Peruntukan sebanyak \$900,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan kajian-kajian rancangan di Sabah. Tujuan-tujuan kajian ini telah saya sebutkan tadi.

#### *Butiran 42*

Peruntukan sebanyak \$800,000 adalah diperlukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sosial seperti balairaya, padang

permainan dan sebagainya yang bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di luar bandar di Sabah.

#### *Butiran 43*

Peruntukan sebanyak \$25,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan projek Amalan Nilai Pemakanan di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dengan tujuan untuk memperbaiki taraf pemakanan mereka.

#### *Butiran 44*

Peruntukan sebanyak \$100,000 adalah diperlukan bagi menyediakan tempat-tempat perniagaan serta mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur untuk peniaga dan peniaga kecil di kawasan-kawasan bandar bagi menjalankan perniagaan mereka.

#### *Butiran 45*

Peruntukan tanda sebanyak \$10 juga adalah diperlukan dengan tujuan untuk memudahkan tindakan diambil untuk mendapatkan tambahan peruntukan bagi meneruskan pelaksanaan projek jalan-jalan luar bandar di Sabah sekiranya keadaan memerlukan kelak.

### *Maksud P. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam*

Peruntukan Pembangunan sebanyak \$30,000,000 adalah diperlukan bagi tahun 1979 untuk pembinaan bangunan tambahan Instituti Tadbiran Awam Negara di Petaling Jaya.

### *Maksud P. 10—Jabatan Kehakiman*

Peruntukan Anggaran Pembangunan sebanyak \$3,498,050 adalah dikehendaki bagi tahun 1979. Daripada jumlah ini, \$2,998,040 adalah untuk memperbaiki, membina dan menyiapkan mahkamah-mahkamah di Semenanjung Malaysia, \$500,000 untuk membina mahkamah baru di Sabah dan peruntukan tanda \$10 untuk pembinaan mahkamah baru di Miri, Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1979, di bawah Maksud-maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14 diluluskan dan

dijadikan sebahagian daripada jadual, dan Anggaran Pembangunan di bawah Maksud-maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya kemukakan bagi perbahasan, saya suka hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Aturan Peraturan Mesyuarat 66 dan 67 bila membahaskan di dalam Jawatankuasa. Dewan ini dahulu telah membahaskan selama 11 hari termasuk 2 hari jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri berhubung dengan Dasar Am dan Pentadbiran. Di dalam Jawatankuasa ini, Ahli-ahli Yang Berhormat diminta supaya menumpukan kepada perkhidmatan yang masih di dalam timbangan atau yang dibahaskan dan kepada butirannya, tetapi tidak menyentuh kepada dasar Am lagi.

Sekarang Perbelanjaan Mengurus B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14 di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P. 8, P. 9 dan P. 10 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.40 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa perkara yang saya anggap adalah penting.

Yang pertama saya ingin merujuk kepada Maksud B. 1 mengenai Parlimen. Saya ingin menyentuh sedikit dalam perbahasan ini mengenai Butiran 1200—Elaun dan lain-lain Habuan Wang, muka surat 31. Tuan Pengerusi, saya sangat hairan dan dukacita apabila saya terbaca dalam suratkhbar tempatan bertarikh 2hb November, 1978 yang memberitakan bahawa Persatuan Kakitangan Parlimen Malaysia dalam Jabatan Parlimen akan melancarkan tindakan "Bekerja Mengikuti Masa" atau "Bekerja Mengikuti Peraturan" berikutan dengan kegagalan mereka mendapatkan suatu keputusan muktamad dalam jangka waktu yang ditetapkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam samada semua kerja-kerja lebih masa

yang telah mereka menjalani sepanjang waktu persidangan Mesyuarat Pertama. Penggal Pertama, Parlimen Kelima ini masih berkecayuan dibayar elaun Honorarium sebagaimana yang disyaratkan mengikut surat Pekeliling Perbendaharaan No. 7/77.

Tuan Pengerusi, pihak Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Parlimen berasa sangat kesal dan dukacita kerana mereka akan terpaksa bertindak sedemikian rupa kerana kelewatan keputusan rasmi yang tegas dari Jabatan Perkhidmatan Awam walaupun segala usaha-usaha terus dijalankan beberapa kali. Sebenarnya saya sangatlah menyedari akan pentingnya perkara elaun Honorarium yang kerap sangat didengari di Dewan yang mulia ini diputuskan once and for all.

Ketika membahaskan usul bagi meluluskan Laporan Tanggajaji Kabinet dahulu, boleh dikatakan hampir  $\frac{3}{4}$  Ahli-ahli Dewan ini, baik yang sudah bekas atau masih lagi menjadi Ahli begitu minat sekali menyuarakan perasaan kurang senang hati mereka terhadap perakuan laporan itu hendak memansuhkan pembayaran elaun Honorarium khas bagi kakitangan Parlimen yang bekerja lebihmasa ketika persidangan Parlimen dan sebaliknya memperakukan supaya mereka diberi cuti sebagai gantinya.

Tuan Pengerusi, terlalu banyak telah diperkatakan mengenai segala akibat-akibat buruk yang akan timbul sekiranya perkara Honorarium ini tidak dapat diselesaikan dengan secepatnya. Soal menggantikan elaun ini dengan pemberian cuti akan melumpuhkan kelicinan pentadbiran Jabatan ini dan juga menjejaskan segala kemudahan-kemudahan kerja permesyuaratan Dewan ini. Sebabnya mudah sahaja, Dewan Rakyat bersidang lebih kurang sebanyak 120 hari dalam setahun, di samping itu terdapat juga kadang-kadang kedua-dua Dewan bersidang serentak sehingga selama seminggu. Jikalau hendak diberi cuti berdasarkan jumlah jam yang mereka habiskan untuk bekerja lebih masa itu, maka hitung kasarnya seorang kakitangan yang ada terpaksa bekerja sehingga pukul 8.30 malam akan mendapat kelayakan hingga 50 hari cuti tambahan sebagai ganti elaun. Jika dicampurkan pula dengan cuti rehat tahunan yang berjumlah 30 hari maka jumlah besar cuti ialah 80 hari. Kesemua Pegawai-pegawai Kanan layak cuti

lebih kurang jangka masa yang begitu panjang sekali malahan ada di antara mereka terpaksa bekerja lebih masa untuk beberapa hari untuk menyiapkan kerja-kerja persiapan kertas-kertas bahan mesyuarat dan ini juga dilakukan tanpa menerima apa-apa bayaran sedangkan cuti yang sedia ada ramai di antara mereka terpaksa mengorbankan secara percuma untuk kepentingan perkhidmatan, inikan pula hendak memberi cuti yang sebegitu banyak dan saya hendak bertanya apakah ertinya ini?

Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya faham kuasa memutuskan soal mengenai gaji iaitu termasuk elaun adalah termasuk di bawah bidangkuasa Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen sebagaimana yang ditakrifkan mengikut peruntukan seksyen-seksyen 2, 5 dan 6 dalam Akta No. 12 tahun 1963. Dukacita nampaknya Jawatankuasa ini masih belum ditubuhkan lagi. Pemberitahu Undang-undang No. 181 bertarikh 6hb Mei, 1965 ada mengesahkan bahawa hanya bagi maksud perlantikan-perlantikan ke jawatan kosong, syarat serta peraturan perkhidmatan dan perjalanan mengambil tindakan disiplin hendaklah terus dijalankan berpandu kepada prinsip-prinsip Perintah Am dan Arahan Perbendaharaan. Ini jelas menunjukkan bahawa masalah gaji iaitu termasuk elaun boleh diputuskan oleh Jawatankuasa yang berkenaan. Saya berharap Jawatankuasa ini akan dapat bertindak dengan bebas dan lebih berkesan dari yang sudah-sudah, sekurang-kurangnya dapat sedikit-sebanyak memenuhi aspirasi pekerja-pekerja Jabatan setakat yang berpatutan. Dari segi kaca mata Perlembagaan, iaitu menurut Fasal 4(a) dalam Perkara 132, Perlembagaan Persekutuan adalah jelas mengasingkan kakitangan-kakitangan Parlimen daripada Perkhidmatan Persekutuan yang bertujuan agar mereka ini dapat bertanggungjawab kepada Parlimen dan Parlimen hendaklah mengawal terus perkhidmatan mereka supaya menentukan sikap berkecualinya dan mengikut dasar-dasar yang diamalkan oleh Parlimen di negara-negara Komanwel yang lain.

Sepatutnya sejajar dengan semangat Parlimen ini Kerajaan bukan sahaja mesti terus menjamin ketinggian imej Parlimen sebagai sebuah Badan Perundangan yang paling tinggi di negara ini secara menun-

jukan sikap dan contoh baik kepada pihak yang lain bahkan juga hendaklah menyelesaikan dengan secepatnya sebarang kepincangan dalam suasana yang harmoni serta semangat bersefahaman supaya lambang keadilan negara kita tidak terjejas oleh tercetusnya tindakan yang boleh menghitamkan sejarah Perkhidmatan Parlimen yang gemilang yang dapat dinikmati oleh kita bersama pada hari ini.

Tuan Pengerusi, dalam Maksud B. 1 ini juga saya ingin menyebutkan sedikit tentang Aktiviti (2) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Di sini saya ingin mencadangkan bahawa mengenai elaun yang ada diberi kepada tiap-tiap Ahli, saya ingin mengesyorkan di sini bahawa pihak Kerajaan mengenakan Elaun Kehadiran (Sitting Allowance) untuk semua Ahli-ahli Dewan Rakyat sebagai tambahan kepada Elaun Hidup (Subsistance Allowance) yang pada kini telah dinikmati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya sistem elaun kehadiran ini dapat ditimbang dan diluluskan maka saya rasa semua Ahli-ahli Parlimen termasuk mereka yang tinggal di dalam lingkungan 20 batu boleh layak menuntut elaun untuk menghadiri mesyuarat Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh mengenai Maksud B. 4, muka surat 38, Aktiviti (3) Perjalanan Pilihanraya. Mengenai perkara menjalankan pilihanraya umum, izinkan saya merujuk kepada peraturan penamaan pilihanraya (nomination) yang digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, terutamanya cara dan bentuk borang-borang penamaan yang ada sekarang yang terlalu mengelirukan dan menyusahkan. Ini dengan tepatnya disebabkan kesukarannya yang telah menyebabkan pembatalan beberapa orang bakal calon pilihanraya di dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Meneliti dari cara calon-calon ini dibatalkan setengahnya dibatalkan atas alasan yang tipis, membuatkan saya hairan adakah menjadi satu kenyataan bahawa penyertaan di dalam Pilihanraya Umum khasnya mengisi borang pencalonan adalah lebih payah dari menduduki suatu peperiksaan (examination). Sekiranya begitu

maka ini akan memperolok-olokkan pilihanraya dan proses demokrasi berparlimen.

Adalah pendapat saya bahawa tujuan sesuatu pilihanraya ialah menunaikan kehendak demokrasi dan memberi makna kepada proses demokrasi ini. Memandangkan ini adalah penting bahawa semua warganegara kita yang layak menjadi calon-calon pilihanraya hendaklah memberi peluang yang banyak untuk bertanding di dalam pilihanraya dan dihakim oleh orang ramai.

Seseorang itu tidak patut dinafikan peluang ini melainkan disebabkan oleh sebab-sebab yang sah atau atas alasan-alasan yang teguh. Walau bagaimanapun, memandang kepada cara di dalam mana banyak calon-calon yang telah dibatalkan oleh sebab tertinggal mengisi setengah-setengah butir atau kurang mendapat keterangan, ini membuat saya hairan adakah alasan-alasan yang mereka dibatalkan adalah sah dan kuat untuk menyokong pembatalannya itu?

Kebanyakan daripada butir-butir yang tertinggal tidak diisi itu bukanlah disebabkan oleh calon-calon, tetapi ianya adalah akibat cara yang kelamkabut dan susah di dalam mana borang-borang pencalonan ini dicetak yang mana maklumat adalah perlu diisi oleh bakal-bakal calon. Ini bukanlah sahaja pendapat kami, tetapi juga pendapat seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dihormati di negara ini iaitu Tuan Hakim Harun Hashim.

Di dalam suatu laporan suratkhbar dalam *The New Straits Times* bertarikh 25hb Oktober, 1978 di dalam penghakiman yang dibuat di Mahkamah Tinggi ke atas petisyen pilihanraya, Tuan Hakim Harun Hashim telah dilaporkan mensifatkan borang-borang pencalonan yang ada sekarang ini yang diberikan kepada bakal-bakal calon dengan izin, Tuan Pengerusi, saya hendak sebut dalam bahasa Inggeris sebagai "a veritable bureaucratic booby-trap", dan mencadangkan bahawa pembaikan-pembaikan hendaklah dibuat kepada borang itu. Beliau telah berkata bahawa dengan pemikiran kesenian Pencetak Kerajaan borang-borang itu boleh dan baik dikemukakan tanpa apa-apa pindaan kepada undang-undang. Hakim

itu mencadangkan bahawa borang-borang itu dicetak di dalam satu bahasa sahaja dan hendaklah ada borang berasingan bagi Kawasan Parlimen dan Kawasan Negeri. Beliau menambah lagi dengan menyatakan bahawa borang yang ada sekarang yang dicetak di dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan bermaksud untuk kedua-dua Kawasan Parlimen dan Negeri boleh mengelirukan.

Hakim itu juga mencadangkan bahawa cap getah atau dalam bahasa Inggerisnya rubber stamp digunakan untuk mengecap nama kawasan-kawasan masing-masing di atas borang itu. Tuan Pengerusi, saya rasa pandangan-pandangan yang dibuat oleh Tuan Hakim Harun Hashim adalah pandangan-pandangan yang wajar, pandangan-pandangan yang munasabah dan beberapa perkara tertentu hendaklah ditimbang oleh pihak Kerajaan.

Di dalam ucapan saya semasa perbahasan Titah Ucapan Di Raja, saya telah menyeru supaya memudahkan peraturan penamaan calon untuk pilihanraya kerana saya rasa bahawa ini adalah penting kepada memajukan demokrasi melalui satu pilihanraya umum yang dijalankan sekali dalam lima tahun. Memandangkan yang di atas saya dengan itu mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk memudahkan peraturan penamaan calon untuk Pilihanraya Umum, khususnya memudahkan pencetakan borang-borang penamaan calon yang akan mengatasi semua kekeliruan apabila digunakan oleh bakal-bakal calon. Selepas mengkaji bagaimana borang-borang pencalonan yang ada sekarang menyebabkan kekeliruan kepada bakal calon jawatankuasa khas itu boleh membuat syor atau membuat rekomendasi kepada Kerajaan bagaimana mereka boleh memperbaiki bagi kepentingan melihat perjalanan dengan adil sesuatu pilihanraya itu dan apa yang lebih penting lagi ialah memberi makna kepada perjalanan sesuatu pilihanraya untuk memenuhi demokrasi di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Aktiviti (2) mengenai Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Tuan Pengerusi, mengenai Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih, saya hendak merujuk perhatian Dewan ini kepada suatu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dalam masa soal-jawab pada 16hb November, 1978 ini. Menurut.....

**Tuan Pengerusi:** Bila Yang Berhormat? Pada 16hb November.

**Tuan Lee Lam Thye:** Dalam masa soal-jawab saya merujuk kepada.....

**Tuan Pengerusi:** Hari ini baru 14hb November.

**Tuan Lee Lam Thye:** Pada 6hb November, 1978, Tuan Pengerusi.

Menurut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu Suruhanjaya Pilihanraya adalah berpuas hati dengan sistem pendaftaran pemilih yang ada sekarang dan tidak ada rancangan untuk menjalankan pendaftaran pemilih secara automatik ataupun mewajibkan pendaftaran pengundi-pengundi. Saya merasa amat kesal terhadap kenyataan itu yang seolah-olah membayangkan bahawa sistem pendaftaran pemilih yang dijalankan sekarang oleh Suruhanjaya Pilihanraya langsung tidak ada kelemahan-kelemahan apabila sebenarnya terdapat kelemahan-kelemahan yang serius yang telah membangkitkan banyak kesusahan kepada orang ramai yang ingin didaftarkan sebagai pengundi-pengundi. Juga sistem yang dijalankan sekarang tidak dapat menggalakkan pendaftaran pengundi-pengundi dengan maksimanya.

Sikap Kerajaan tak mengindahkan aduan-aduan daripada orang ramai, khasnya wakil-Wakil Rakyat seperti kami berkait dengan kelemahan-kelemahan sistem pendaftaran pengundi yang ada sekarang adalah tidak patut. Apa yang lebih mendukacitakan ialah pendirian Kerajaan bahawa semua ada betul dan semua ada puas hati dengan sistem pendaftaran pengundi. Ini bukan satu sikap yang patut diambil oleh satu Kerajaan yang disifatkan sebagai satu Kerajaan yang berjiwa rakyat, boleh dikatakan bahawa sikap ini adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab.

Sebagai Wakil Rakyat yang selalu berdamping diri dengan orang ramai kami adalah dalam kedudukan yang sesuai yang wajar untuk menyuarakan bagi pihak orang ramai mengenai kesusahan yang dihadapi oleh mereka apabila mereka hendak didaftarkan sebagai pengundi-pengundi. Sungguhpun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada menyatakan bahawa sistem pendaftaran pengundi yang dijalankan sekarang ada memuaskan hati, tetapi tidak dapat dinafikan di sini bahawa terdapat banyak aduan bahawa orang ramai tidak tahu di mana mereka boleh didaftarkan dan bagi mereka yang mahu tempat untuk didaftarkan mereka tidak dapat berjumpa dengan kerani Pendaftaran oleh kerana Kerani Pendaftaran tidak bertugas mengikut jadual masa yang diumumkan. Perkara penting yang saya hendak sebutkan di sini ialah sungguhpun pengumuman ada dibuat kadang-kadang melalui RTM menyeru orang ramai yang belum mendaftar supaya didaftarkan secepat yang boleh, tetapi bakal-bakal pengundi langsung tidak tahu di mana pusat atau tempat pendaftaran yang mana mereka dapat didaftarkan. Pengumuman am ada dibuat tetapi butir-butir tidak ada diumumkan dalam suratkhabar tempatan mengenai tempat pendaftaran. Masalah seperti ini ada berlaku tiap-tiap tahun dan sungguhpun saya telah membangkitkan perkara ini pada masa yang lepas atas kepentingan umum, akan tetapi tindakan tidak diambil untuk memperbetulkannya. Masalah seperti ini memaksa orang ramai hilang minat dalam pendaftaran.

Tuan Pengerusi, sekiranya Kerajaan tidak mengakui masalah-masalah yang saya sebutkan tadi maka saya cabar Kerajaan dan di samping ini mencadangkan bahawa suatu penyiasatan awam (a public enquiry) diadakan untuk menentukan samada teguran-teguran saya benar atau tidak. Jika Kerajaan ini berdasarkan konsep Kerajaan berjiwa rakyat, maka saya harap Kerajaan bersedia mengadakan satu public enquiry untuk menentukan samada kelemahan-kelemahan ada timbul mengenai sistem pendaftaran pengundi yang dijalankan sekarang dan jika kelemahan-kelemahan ini ada timbul, saya harap satu jawatankuasa khas dapat ditubuhkan untuk membuat syor-

syor bagi memperbaiki sistem pendaftaran pengundi-pengundi yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada maksud B. 8, muka surat 53, Aktiviti (2) mengenai Perancangan Ekonomi. Tuan Pengerusi, objektif Bahagian Perancangan Ekonomi ialah untuk merangka dan melaksanakan dasar rancangan pembangunan negara secara menyeluruh dengan berpandukan kepada Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan supaya rakyat dapat mencapai taraf hidup yang lebih memuaskan dan hidup bersatu padu. Memandangkan kepada objektif-objektif yang penting ini saya ingin mengesyorkan kepada Bahagian Perancangan Ekonomi ini supaya menjalankan usaha-usaha yang lebih giat terhadap mencari punca kemiskinan baikpun dalam bandar atau di luarbandar dan terus merangka dan melaksanakan dasar rancangan pembangunan untuk mengatasinya. Ingin saya tegaskan bahawa masalah kemiskinan di dalam negara kita ini adalah satu masalah sosio-ekonomi dan bukan satu masalah perkauman oleh kerana masalah kemiskinan tidak terhad kepada satu kaum sahaja. Oleh sebab yang demikian, saya menggesa Kerajaan supaya mengambil segala langkah untuk menjamin bahawa rancangan pembangunan ekonomi akan menentukan semua kaum kerana hanya melalui cara ini kita akan dapat menyatupadukan semua kaum di negara kita untuk mencapai satu negara yang benar-benar bersatu-padu.

Mengenai masalah kemiskinan di luarbandar, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu aspek kemiskinan iaitu yang terdapat di kampung-kampung baru di mana masalah kemiskinan telah menjadi satu masalah yang serius. Saya mencadangkan di sini bahawa Kerajaan harus bertindak dan mengemukakan satu economic blue-print untuk membantu mengatasi masalah kemiskinan di dalam kampung-kampung baru dan juga mencari jalan yang positif untuk membantu lebih kurang satu juta penduduk di 460 buah kampung-kampung baru di negara kita ini. Saya harap Bahagian Perancangan Ekonomi dapat memberi sumbangan terhadap perkara ini memandangkan bahawa Bahagian ini bertugas untuk

membantu rakyat di luarbandar untuk mencapai taraf hidup yang lebih memuaskan.

Sekarang saya ingin merujuk kepada Aktiviti (7) di bawah Maksud B. 8 mengenai Urusetia Rukun Tetangga. Mengenai perkara ini saya perhatikan bahawa tujuan Skim Rukun Tetangga ialah untuk mendapatkan penglibatan seluruh rakyat di dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman negara. Memandangkan kepada hakikat ini saya rasa adalah perlu bagi Kerajaan mendidik orang ramai mengenai fungsi-fungsi Rukun Tetangga sejak Skim Rukun Tetangga dilancarkan di negara kita ini, saya masih berpendapat bahawa terdapat ramai orang termasuk ahli-ahli Rukun Tetangga sendiri yang tidak memahami tentang fungsi-fungsi Rukun Tetangga sebenarnya. Saya rasa bahawa pendidikan sangat perlu dalam perkara penglibatan rakyat di dalam Skim Rukun Tetangga oleh kerana saya yakin hanya dengan kesedaran yang lebih dari orang ramai terhadap Rukun Tetangga, skim ini akan mendapat kejayaan. Saya harap Urusetia Rukun Tetangga akan mengambil berat tentang perkara pendidikan dalam tujuannya untuk menjayakan Skim Rukun Tetangga ini.

Satu perkara lain saya anggap mustahak bagi menentukan kejayaan Skim Rukun Tetangga ialah perasaan bimbang di kalangan ahli-ahli Rukun Tetangga mengenai apakah pampasan dan bantuan Kerajaan dapat berikan kepada mereka sekiranya mereka dibunuh atau cacat akibat orang-orang jahat di dalam masa menjalankan tugas-tugas mereka. Apa yang mereka ingin tahu ialah apakah jaminan Kerajaan dapat beri kepada mereka dan keluarga mereka dari segi wang pampasan atau dari segi kebajikan. Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberi satu jawapan tegas kepada perkara ini. Mengenai penerangan yang disampaikan oleh Urusetia Rukun Tetangga kepada semua sektor-sektor Rukun Tetangga saya harap bahawa risalah dan maklumat yang lain dapat diterjemahkan ke dalam 4 bahasa untuk kemudahan ahli-ahli Rukun Tetangga. Kebanyakan mereka tidak dapat membaca risalah-risalah atau surat-surat dalam Bahasa Malaysia.

Sekarang saya merujuk sedikit kepada Aktiviti (8) mengenai Urusetia Perpaduan Negara. Memandangkan kepada peranan

penting yang dimainkan oleh Urusetia ini dalam menggalakkan perpaduan negara, ingin saya tahu apakah langkah positif yang telah diambil setakat ini untuk membuat kajian yang mendalam terhadap masalah perkauman di negara ini serta merangka rancangan-rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi menghapuskan ataupun mengurangkan polarisasi kaum. Janganlah kita berpura-pura dan berkata masalah perkauman di negara kita telah diatasi dengan penubuhan Urusetia Perpaduan Negara ataupun Lembaga Perpaduan Negara, jauh dari itu malah setiap hari kita memerhati polarisasi kaum kian meningkat di negara kita. Setakat ini Lembaga Perpaduan Negara dan Urusetianya tidak begitu aktif dalam menyelesaikan ataupun mencari punca-punca ataupun mengambil langkah yang positif untuk mengurangkan masalah perkauman ini. Biarlah kita berterusterang kita tidak boleh menyelesaikan masalah perkauman yang timbul dari diskriminasi kaum yang dilakukan dengan hanya mengadakan sukan atau pertandingan menulis karangan mengenai Rukunegara ataupun menerbitkan kalender perpaduan. Langkah-langkah yang lebih positif dan realistik hendaklah diambil untuk mengatasi masalah perkauman yang kian meningkat, menyiasat aduan-aduan mengenai diskriminasi perkauman dan menganjurkan dialog-dialog bagi tujuan mendapatkan feedback adalah satu perkara tetapi samada hasil siasatan ataupun feedback ini boleh menyumbang ke arah merangka strategi-strategi yang berkesan untuk mengatasi keadaan tersebut adalah suatu perkara yang lain. Setakat ini Urusetia Perpaduan Negara dalam pandangan kami telah gagal mencapai apa-apa pun dalam mengatasi masalah perkauman serta menghapuskan polarisasi kaum. Oleh kerana sejumlah besar yang dibelanjakan untuk Urusetia ini setiap tahun adalah penting yang yang dibelanjakan itu dibelanjakan dengan baik dan hasil-hasil yang menggalakkan didapati. Dengan mengambil perhatian perkara ini kami hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah sebenarnya yang telah dibuat sehingga hari ini ataupun akan dibuat oleh Urusetia Perpaduan Negara dalam menggalakkan perpaduan negara selain dari menjalankan aktiviti yang dalam pandangan kami adalah tidak berkesan dalam mencari

solusi-solusi yang kekal untuk menyelesaikan masalah-masalah perkauman yang kian meningkat.

Tugas untuk membuat kajian yang menyeluruh dalam masalah perkauman di negara ini memerlukan sesuatu yang lebih dan bukan hanya dengan menubuhkan Urusetia Perpaduan Negara ataupun Lembaga Perpaduan Negara. Apa yang perlu sekarang ialah supaya sebuah institusi perhubungan kaum atau race-relation institute should be set up, mesti dan dikehendaki untuk membuat kajian yang menyeluruh dalam masalah-masalah perkauman serta membuat perakuan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak merujuk kepada Aktiviti (10) mengenai Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am. Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am bertugas untuk menjalankan berbagai kajian dan penyelidikan yang mendalam mengenai masalah-masalah pembangunan khasnya dalam konteks kemasyarakatan dan sosio-ekonomi. Di samping itu Bahagian ini juga ada menjalankan berbagai kajian dan penyelidikan khusus seperti yang diarahkan oleh Kabinet dari masa ke semasa atas masalah-masalah masyarakat dan kemanusiaan yang boleh membantu kemajuan pembangunan. Memandangkan kepada tujuan dan objektif ini yang begitu penting saya rasa bahawa adalah perlu bagi Bahagian ini untuk mengkaji dengan mendalam berbagai masalah sosio-ekonomi yang telah timbul setakat ini dan mengambil tindakan untuk mengatasinya. Saya mendapati bahawa Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi ini akan membelanjakan \$1,129,000 pada tahun akan datang dan memandangkan kepada jumlah wang ini yang akan dibelanjakan saya berpendapat bahawa Yunit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am ini hanya akan memberi hasil yang bermakna, berfaedah sekiranya ia dapat merangka dan merancang dasar-dasar yang cukup berkesan untuk memerangi masalah-masalah sosio-ekonomi yang sedang dialami oleh negara kita ini.

Masalah seperti setinggian, penjaja-penjaja, penyalahgunaan dadah, orang-orang yang

tidak bertanah, aktiviti-aktiviti jenayah dan lain-lain haruslah dikaji dan diselidiki oleh bahagian ini supaya jalan-jalan yang positif boleh diambil untuk mengatasi masalah ini dan memperbaiki kualiti kehidupan rakyat, golongan-golongan yang tersebut. Apa yang lebih penting sekali ialah masalah penyalahgunaan dadah yang telah membawa kesan yang buruk kepada masyarakat ketika ini. Memandang kepada hakikat bahawa masalah dadah telah menjadi satu masalah masyarakat, satu masalah negara dan rakyat, saya berpendapat bahawa Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am harus menjalankan satu kajian yang mendalam mengenai masalah ini dan bagaimana ia telah menjadi satu masalah yang buruk yang membahayakan masyarakat kita dan selepas itu merangka dasar-dasar jangka panjang untuk memerangi masalah ini. Apa yang penting ialah kita patut mencari jalan-jalan yang bercorak sosio-ekonomi untuk memerangi dan mengatasi masalah dadah ini.

Atas perkara yang sama iaitu mengenai penyelidikan sosio-ekonomi dan perancangan am saya suka merojak sedikit kepada Biro Pengaduan Awam. Tuan Pengerusi, semasa soal jawab di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebutkan tentang tujuan menubuhkan Biro ini iaitu untuk merapatkan perhubungan di antara Kerajaan dengan orangramai dan mengujudkan satu saluran yang akan membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan mereka berhubung dengan perkhidmatan Kerajaan atau sesuatu tindakan pentadbiran yang dirasai tidak adil. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menambah kata bahawa semua Ahli-ahli Parlimen telah dilantik menjadi penerima aduan. Sungguhpun saya rasa bahawa penubuhan Biro ini adalah tepat dan wajar untuk membantu orangramai mencari penyelesaian terhadap kesulitan-kesulitan mereka, tetapi saya berpendapat bahawa Biro ini dapat memainkan satu peranan yang lebih berkesan sekiranya ia diberi kuasa yang cukup untuk menentukan bahawa semua aduan-aduan yang disampaikan kepada sesuatu Kementerian atau kepada sesuatu Kerajaan Negeri atau sesuatu agensi Kerajaan akan diberi layanan yang wajar dan serious.

Saya membuat syor ini oleh kerana saya memperolehi kesan bahawa sebilangan agensi-agensi Kerajaan khasnya Pejabat-pejabat Tanah yang tidak begitu mengambil minat kepada aduan-aduan yang telah disampaikan kepada mereka dan tidak memberi kerjasama kepada Biro Pengaduan Awam ini. Untuk membuktikan kenyataan saya ini, saya suka memberi tahu Dewan ini bahawa pada tahun 1975, saya sebagai penerima aduan menyalurkan satu aduan mengenai permohonan tapak rumah daripada seorang penduduk di dalam kawasan saya kepada Biro Pengaduan Awam supaya Biro ini dapat menyampaikan aduan tersebut kepada Pejabat Tanah yang berkenaan untuk tindakan. Selepas aduan saya telah disampaikan kepada Biro ini, seorang pegawai dari Biro ini ada menulis surat-surat kepada Pejabat Tanah yang berkenaan untuk meminta tentang kedudukan kepada permohonan tapak rumah itu. Tetapi nampaknya Pejabat Tanah yang berkenaan tidak mengambil minat terhadap surat-menyurat (correspondence) dari Biro Pengaduan Awam. Di dalam satu peringkat Biro terpaksa menghantar lima surat songsongan (5 reminders) sebelum ia dapat balasan daripada Pejabat Tanah yang berkenaan. Saya ada bukti di sini dan sekiranya perlu, sayapun boleh membawa bukti ini kepada pihak yang berkenaan untuk disiasat.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada berkata bahawa saya rasa sangat kesal oleh sebab Biro Pengaduan Awam terpaksa untuk menghantar 5 surat songsongan kepada Pejabat Tanah yang berkenaan. Sebelum ia dapat satu balasan daripada Pejabat yang berkenaan. Sungguhpun jawapan ada diberi selepas surat songsongan kelima tetapi sehingga hari ini perkara ini belum diatasi, belum diselesaikan dan Biro Pengaduan Awam pun tidak berdaya (just helpless). Inilah satu bukti yang saya memberikan di Dewan ini dan surat menyurat mengenai perkara ini ada di dalam simpanan saya. Saya rasa masalah ini telah timbul oleh kerana di dalam bentuk ada sekarang Biro Pengaduan Awam hanya merupakan satu saluran (conduit) untuk menyalurkan aduan-aduan kepada agensi-agensi yang berkenaan akan tetapi ia tidak mempunyai kuasa untuk bertindak sekiranya agensi-agensi tersebut gagal untuk membalas atau menjawab dengan secepatnya.

Saya berpendapat bahawa Biro ini patut diberi kuasa, misalnya untuk merekomen terus kepada Lembaga-lembaga Disiplin supaya tindakan disiplin dapat diambil terhadap sesiapa pegawai yang mungkir atau tidak memenuhi kewajipan untuk membantu rakyat yang meminta bantuan daripada Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Juga saya ingin mengesyorkan di sini bahawa Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri patut memberi arahan kepada semua Jabatan-jabatan Kerajaan baikpun di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah mengenai betapa mustahaknya penubuhan Biro Pengaduan Awam ini dan fungsifungsinya dan mengapa semua aduan daripada Biro ini mesti dan patut diberi layanan yang wajar dan serious.

Mengenai aktiviti Biro Pengaduan Awam ini, saya telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa soal jawab di Dewan ini bahawa Biro tersebut membuat laporan tiap-tiap tahun atas aktiviti-aktivitinya laporan tersebut disampaikan kepada Kabinet sahaja untuk diteliti. Tetapi saya ingin bertanya mengapa laporan tersebut tidak dapat diedarkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah dilantik sebagai penerima aduan dan saya tidak nampak apa-apa sebabpun mengapa penerima-penerima aduan tidak boleh atau tidak layak untuk mendapat laporan itu. Saya berpendapat bahawa tiap-tiap orang yang layak yang dilantik sebagai penerima aduan, patutlah diedarkan satu naskah laporan tersebut supaya mereka dapat memahami dengan lebih mendalam segala aktiviti-aktiviti, butiran-butiran dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan dikemukakan kepada Biro Pengaduan Awam oleh mereka.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merojok kepada Maksud B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Aktiviti (2) mengenai pengambilan. Tujuan Jabatan Perkhidmatan Awam ialah untuk merumus, merancang dan melaksanakan dasar bagi menentukan bahawa perkhidmatan awam mempunyai kakitangan yang cukup dan cekap, dedikasi dan terlatih untuk memikul tanggungjawab melaksanakan segala dasar-dasar dan matlamat negara bagi memberikan

kebahagian dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Tujuan untuk menentukan bahawa Perkhidmatan Awam mempunyai kakitangan yang cukup dan cekap adalah amat penting supaya pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak diganggu. Dalam hubungan ini, suka saya merojok perhatian Dewan ini kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dalam masa soal jawab pada 23-10-78 bahawa terdapat sebanyak 44,280 jawatan yang kosong di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan pada bulan Jun tahun ini. Kekosongan ini adalah akibat pembekuan pengisian jawatan pada penghujung Rancangan Malaysia Kedua dan pengujudan jawatan-jawatan baru yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Memandangkan kepada perkara ini langkah-langkah patut diambil untuk mempercepatkan pengambilan kakitangan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dalam hubungan ini, saya difahami bahawa salah satu langkah yang akan diambil untuk mempercepatkan pengambilan ialah pemindaan ke atas borang SPA 1 dengan tujuan mengurangkan masa untuk memproses borang-borang itu. Di sini saya harap bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dapat menggunakan sistem komputer bagi menambahkan keupayaannya dalam proses pengambilan kakitangan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya sentuh atas perkara yang sama iaitu mengenai pengambilan kakitangan. Suka saya menegaskan di sini bahawa negara kita memerlukan lebih banyak tenaga yang terlatih untuk melaksanakan segala projek pembangunan sosio-ekonomi. Oleh kerana itu saya harap Kerajaan dapat menimbangkan untuk mengambil warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dalam bidang-bidang yang tertentu seperti mereka yang berijazah daripada Universiti Nanyang, Universiti Formosa ataupun daripada Timor Tengah supaya masalah kekurangan tenaga manusia ini boleh diatasi.

Atas perkara yang sama, ingin saya menggunakan kesempatan ini untuk merojok perhatian Dewan ini kepada suatu masalah

yang serius yang dialami oleh Perkhidmatan Awam di negara iaitu masalah pengaliran kakitangan awam atau dalam bahasa Inggeris 'Brain Drain in the Public Sector?' semakin ramai orang-orang profesional meninggalkan pekerjaan mereka di sektor awam untuk bekerja di sektor swasta bagi mendapatkan prospek yang lebih menarik. Ini adalah kejadian yang tidak dapat dinafikan, Tuan Pengerusi. Oleh itu saya menyeru Kerajaan supaya mengambil perhatian serius terhadap masalah ini yang mana nampaknya akan semakin bertambah pada masa akan datang jika sesuatu langkah tidak akan diambil untuk mencegahnya. Langkah-langkah perlu diambil segera untuk menghentikan kejadian apa yang dinamakan 'Brain Drain in the Public Service' sebelum ia berleluasa dan mengganggu pelaksanaan jentera berbagai projek pembangunan.

Satu cara yang baik ialah dengan melihat kepada struktur tanggaji dan keadaan pekerjaan atau dalam bahasa Inggeris "terms and conditions of service including their pay scales" di antara para profesional dalam Perkhidmatan Awam. Walau apapun, Kerajaan harus mengkaji masalah ini dan patutlah dikaji pula kehampaan mereka berkenaan dan mencari sebab-sebabnya serta mengambil langkah mengatasinya pula.

Ada dua perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Yang pertama ialah mengenai Maksud Pembangunan P. 8, muka surat 62, Butiran 19—Menyediakan kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi Peniaga-peniaga Kecil. Saya merojok buku Anggaran Belanjawan dalam mana \$11,500,000 akan dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan kepada peniaga-peniaga kecil. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah berjanji untuk memperuntukkan sejumlah \$30 juta untuk membantu peniaga-peniaga kecil memperbaiki infrastruktur mereka. Dari jumlah \$30 juta itu \$2 juta telah diperuntukkan untuk Wilayah Persekutuan. Memandangkan kepada peruntukan yang tersebut di atas saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi tahu Dewan ini bagaimana Kerajaan bercadang membelanjakan jumlah peruntukan itu di dalam

Wilayah dan juga di lain-lain negeri dan samada penjaja-penjaja dari semua kaum akan dapat menikmati bantuan Kerajaan. Suka saya mencadangkan di sini bahawa sebelum wang itu dibelanjakan Kerajaan patut berunding dengan semua persatuan-persatuan penjaja dan peniaga-peniaga kecil untuk mendapatkan pandangan-pandangan dan syur-syur mereka dengan tujuan menentukan bagaimana wang itu boleh digunakan secara adil—secara efektif yang memberi faedah kepada semua penjaja-penjaja tidak mengira kaum.

Atas perkara penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan kepada kemuskilan dan kesusahan yang dialami oleh penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga di Bandaraya Kuala Lumpur, akibat kempen kebersihan yang telah dilancarkan oleh Dewan Bandaraya baharu-baharu ini. Dalam kempen ini berjalan selama satu bulan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di banyak tempat telah diusir dan diganggu atas alasan-alasan kempen kebersihan dan atas alasan mereka berniaga tanpa lesen. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan dapat menggunakan jasa baiknya untuk menghentikan tindakan Dewan Bandaraya atas sebab-sebab keperimanusiaan dan perlunya memberi nafkah oleh golongan berpendapatan rendah di Bandaraya Kuala Lumpur. Saya cadangkan bahawa Dewan Bandaraya patut memulakan jentera Jawatankuasa Penasihat Penjaja Dewan Bandaraya atau Hawkers' Advisory Committee of City Hall untuk bermesyuarat dan mencari jalan yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja dari semua kaum di Bandaraya kita ini.

Akhirnya, saya merojok kepada Butiran 18—Penempatan Semula Mangsa-mangsa Banjir. Atas Penempatan Semula Mangsa-mangsa Banjir, saya memerhatikan bahawa sejumlah \$587,000 akan dibelanjakan pada tahun 1979 apabila dibandingkan dengan jumlah \$600,000 yang dibelanjakan pada tahun ini. Saya rasa kesal bahawa jumlah bagi tahun hadapan telah dikurangkan. Jumlah \$587,000 ini patut ditambah memandangkan kepada kejadian banjir yang berlaku pada tiap-tiap tahun di negara kita,

bukan sahaja di Negeri Kelantan tetapi juga di lain-lain tempat yang membawa banyak kesulitan dan kesusahan kepada mangsa-mangsa banjir. Banjir bukan sahaja berlaku di negeri-negeri Pantai Timur tetapi ada juga banjir berlaku di bandar Kuala Lumpur yang kita dapat saksikan baharu-baharu ini. Adalah tidak dapat dinafikan pada masa jangka panjang Kerajaan patut memperbaiki sistem pengaliran air di Wilayah Persekutuan, sebagai satu langkah untuk mengurangkan masalah banjir tetapi semasa menunggu kerja memperbaiki sistem pengaliran air ini bantuan kepada mangsa-mangsa banjir patut ditambah apabila satu-satu krisis ada berlaku.

Itulah ulasan-ulasan yang saya hendak beri mengenai perbincangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Tumpat.

4.28 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 1—Parlimen, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, muka surat 31.

Kita berterima kasih kerana Bangunan Parlimen ini telah dihias dengan begitu cantik. Segala perabot di luar Dewan telah diganti. Kerusi meja di Kantin telah juga ditukar, begitu juga dengan perabot-perabot di Pejabat-pejabat Menteri. Satu perkara yang ingin saya menarik perhatian pihak yang berkenaan ialah mengenai gambar (potret) Seri-seri Paduka Baginda di luar Dewan supaya potret Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang ini juga dapat digantungkan sama dengan potret-potret lain.

Begitu juga kalau dapat kerusi meja Ahli-ahli Parlimen yang didapati telah lama, perlu juga ditukar ganti.

**Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 4—Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, muka surat 38.**

Saya ingin menyentuh khusus mengenai gambar-gambar yang ditayangkan di TV Malaysia mengenai pengundi-pengundi pergi ke Pusat-pusat Mengundi. Gambar yang

ditayangkan itu dikeluarkan oleh Filem Negara Malaysia yang menunjukkan bagaimana orang-orang Melayu begitu terkebelakang sekali apabila hendak pergi mengundi, seolah-olah orang Melayu ini tidak begitu mengambil berat akan haknya sebagai pengundi, hingga tertunggu-tunggu dan akhirnya tertinggal bas dan tidak dapat mengundi.

Kita perlu ingat bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah majoritinya didokong oleh pengundi-pengundi luar bandar dan mereka inilah yang menjadi tulang belakang Kerajaan yang memerintah sekarang ini. Kalau sekiranya hendak menunjukkan gambar yang tidak betul dan memburukan orang-orang Melayu, yang seolah-olah tak mengambil berat untuk mengundi, saya rasa ini tidak kena pada tempatnya.

Saya ingin mengesyorkan supaya tayangan pergi mengundi yang dikeluarkan oleh Filem Negara Malaysia itu hendaklah diperbetulkan dan kalau perlu dibuat semula. Tunjukkan secara pelajaran yang boleh memberi kesan kepada orang ramai. Cara memberi pelajaran ini akan lebih memberi kesedaran dan tanggungjawab terhadap negara. Ini saya rasa adalah lebih bagus daripada hanya merendahkan imej orang Melayu pergi mengundi.

**Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 8—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am; Aktiviti (3) Pentadbiran Ugama Islam dan Aktiviti (11) Unit Permodenan Tadbiran dan Perancang Tenaga Manusia, muka surat 53.**

Dalam soal pentadbiran masjid, walaupun kuasa sebenarnya berada dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, namun memandangkan bahawa State mempunyai peruntukan yang terhad, maka adalah menjadi harapan saya supaya kajian dapat dibuat oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam supaya dapat mengumpulkan maklumat mengenai berapa banyak masjid yang ada di seluruh negara, khususnya di negeri Kelantan yang memerlukan bantuan yang banyak dari Kerajaan Pusat, dan setelah kajian dibuat, maka samada difikirkan wajar bahawa Kerajaan dapat menyumbangkan bantuan elaun bulanan yang berpatutan kepada pegawai-pegawai masjid, seperti Imam, Bilal, Khatib dan sebagainya. Mereka juga

memerlukan elaun bulanan yang tetap setimpal dengan tugas mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat tahu tentang kutipan Tabung Pembangunan Ekonomi Islam. Setakat ini berapa banyakkah telah terkumpul dan apakah rancangan yang telah dilaksanakan. Begitu juga dengan kutipan wang zakat fitrah Negeri, dan sekiranya wang-wang itu dapat dikumpulkan dan digunakan sepenuhnya, saya rasa wang-wang yang tersimpan itu akan memberi keuntungan yang besar bukan sahaja kepada orang Islam bahkan juga kepada negara seluruhnya.

Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 13—Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran dan Penerbitan dan Aktiviti (2) Seminar dan Penyelidikan dan Maksud Pembangunan; P. 8, Butiran 1—Kajian Rancangan, muka surat 83 dan 61.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia. Sejak akhir-akhir ini telah menunjukkan kemampuannya dalam mengadakan berbagai seminar dan penyelidikan yang hasilnya terbukti sekarang. Dari segi penyelidikan sosio-ekonomi yang dijalankan, maka adalah didapati pegawai-pegawai yang mahir adalah sangat-sangat diperlukan. Tambahan pula kerja-kerja penyelidikan ini memerlukan pegawai-pegawai yang mahir dan oleh kerana terdapat sekarang ini pegawai-pegawainya kerap bertukar maka tidak mungkin sesuatu penyelidikan itu dapat dijalankan dengan lebih berkesan sekiranya pegawai-pegawai yang ada itu selalu bertukar. Oleh kerana Jabatan ini telah menunjukkan kegiatan penyelidikan yang sangat berhasil, maka pendapat saya untuk mengelakkan pertukaran yang kerap berlaku dan untuk mendapatkan kepakaran pegawai-pegawai penyelidik itu adalah dirasakan perlu supaya Jabatan ini dijadikan satu Jabatan berkanun supaya dapat menumpukan perhatian yang khusus mengenai penyelidikan sosio-ekonomi di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, Maksud Pembangunan 8, Butiran 19, muka surat 62, Menyediakan Kemudahan-kemudahan dan Bantuan bagi Peniaga-peniaga Kecil.

Kita mengucapkan terima kasih atas hasrat Kerajaan untuk mengatasi kemiskinan di bandar-bandar. Saya rasa ini adalah satu langkah yang tegas dan berani. Dalam pada itu, saya ingin menarik perhatian Kerajaan, tempat-tempat perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil ini hendaklah diadakan seberapa banyak yang boleh terutama sekali kepada peniaga-peniaga kecil Melayu yang berselerak di seluruh tanah air. Apa yang saya harapkan bahawa tempat peniaga kecil ini bukan sahaja dikhaskan di tempat-tempat letak kereta yang digunakan pada sebelah malam, malah diadakan tempat khas bagi mereka berniaga. Umpamanya di Petaling Jaya diadakan Medan Selera di mana segala anika jualan ada terdapat di situ. Kalau tempat-tempat seperti ini dapat diadakan, saya percaya bukan sahaja Kerajaan dapat mengurangkan kemiskinan di bandar-bandar tetapi juga dapat memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil, khususnya peniaga-peniaga Melayu yang berselerak di bandaraya kita dan di seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong penuh peruntukan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Parit.

4.38 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals (Parit):** Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B. 1, Butiran 1100 iaitu berkenaan dengan honorarium kepada kakitangan Parlimen. Saya ulangi lagi sekali sebagaimana yang dikatakan oleh pihak parti Pembangkang tadi.

Tuan Pengerusi, perkara berkaitan dengan bayaran honorarium kepada kakitangan Parlimen telah berkali-kali dibangkitkan di dalam Parlimen sejak dahulu lagi. Pada pendapat saya, inilah satu perkara yang didapati Ahli-ahli Parlimen baik dari parti Kerajaan mahupun dari parti Pembangkang sepakat memberi simpati dan sokongan supaya kakitangan Parlimen dibayar honorarium kerana khidmat mereka bekerja lebih masa dalam Persidangan Parlimen. Jumlah bayaran honorarium ini tidak seberapa jika dibandingkan dengan khidmat baik dan dedikasi yang ditunjukkan oleh

kakitangan Parlimen dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Patut ditegaskan di sini bahawa bayaran honorarium ini sebenarnya bertujuan untuk memberi galakan kepada mereka menjalankan kerja mereka dengan lebih cepat lagi. Setakat ini saya merasa bangga dan megah atas kecekapan dan dedikasi mereka menjalankan kerja mereka sehari-hari dan semangat dedikasi dan kecekapan yang demikian itu patut dipupuk dan diteruskan sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan.

Saya difahamkan iaitu sehingga hari ini semenjak Parlimen mula bersidang pada 9hb Oktober, 1978, honorarium belum lagi dibayar kepada kakitangan Parlimen dengan kerana itu ada ura-ura Persatuan Kakitangan Parlimen akan mengambil tindakan bekerja mengikut aturan (*work-to-rule*) tidak lama lagi. Ini bererti mereka akan masuk bekerja jam 8.00 pagi dan pulang jam 4.15 petang sesuai dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 1977.

Jika ini berlaku, tidak dapat tiada kerja-kerja menghasilkan Pengeluaran Aturan Urusan Mesyuarat harian (*daily Order Paper*) dan Penyata Rasmi Perbahasan Parlimen akan tergendala. Kita harus sedar bahawa Aturan Urusan Mesyuarat (*Order Paper*) itu agenda dan asas kita bermesyuarat, jika ini tidak dapat dibentangkan di dalam masa yang sesuai maka perjalanan mesyuarat Parlimen akan terjejas (*Tepek*).

Demikian juga Penyata Rasmi Perbahasan Parlimen perlu diedarkan kepada kita di Dewan yang mulia ini untuk mengetahui apa yang telah dibahaskan dan terhurai dalam mesyuarat sehari sebelumnya. Saya mengambil kesempatan ini menggesa Kerajaan menimbangkan pembayaran honorarium ini kepada kakitangan Parlimen dengan teliti dan seterusnya membayar honorarium itu demi untuk mengekalkan perjalanan mesyuarat seperti yang telah berjalan begitu teratur dan lancar setakat ini dan demi mendapatkan kerja yang teratur dan cekap serta dedikasi daripada kakitangan Parlimen (*Tepek*).

Saya menegaskan iaitu honorarium yang dibayar kepada kakitangan Parlimen tidak begitu besar jika dibandingkan dengan khidmat baik yang diberikan oleh mereka

dan saya tidak sedikit pun menduga pembayaran ini di luar daripada kemampuan Kerajaan.

Pembayaran honorarium ini adalah sesuai dengan peruntukan-peruntukan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1977, perenggan 21.

Dalam Pekeliling itu berbunyi:

"21. Pegawai-pegawai Persekutuan yang dikehendaki bertugas di Sekretariat Persidangan Kebangsaan atau Persidangan Antarabangsa yang diadakan di Malaysia boleh diberi saguhati (honorarium) sekiranya mereka bekerja melebihi 3 jam dari waktu kerja biasa.

Bagi tujuan Pekeliling ini, Persidangan Kebangsaan adalah dimaksudkan bagi:

- (a) Persidangan yang mengandungi tidak kurang daripada 50 peserta.
- (b) Persidangan tersebut hendaklah melibatkan sekurang-kurangnya 10 Kementerian dan Jabatan; serta
- (c) Persidangan tersebut hendaklah berasal daripada keputusan Jumaah Menteri atau Ketua Setiausaha Negara.

Pada pendapat saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun setuju bahawa semua syarat-syarat untuk pembayaran honorarium itu didapati dan dipenuhi oleh Persidangan Parlimen. Dengan kerana itu, sudah sewajarnya Kerajaan membayar honorarium ini kepada kakitangan Parlimen.

Di sini saya suka mengulangi apa yang pernah saya perkatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 1977 untuk menyokong hujah-hujah saya dan untuk memberi gambaran yang jelas mengenai kedudukan yang akan atau mungkin timbul jika kakitangan Parlimen diberi cuti sebagai ganti kerja lebih masa.

Dalam masa setahun hitung panjang Dewan Rakyat bersidang selama 60 hari dan Dewan Negara 30 hari, jadi jumlah hari bermesyuarat (*sitting days*) ialah 90 hari setahun. Jika pegawai-pegawai bekerja melebihi 3 jam sehari masa pada setahun ada 90 x 3 jam sehari bermakna 270 jam atau jika

dijadikan hari dengan berasaskan 8 jam bekerja untuk sehari jumlah 34 hari bekerja. Jika kakitangan Parlimen diberi cuti 34 hari sebagai ganti overtime atau honorarium tidak dapat tidak pentadbiran pejabat akan lumpuh lebih-lebih lagi mereka pergi bercuti beramai-ramai dalam tempoh yang begitu panjang.

Selain daripada itu, kebanyakan daripada kakitangan Parlimen memang tidak dapat menghabiskan cuti biasa mereka dalam setahun dan jika ditambah dengan 34 hari ganti yang saya sebutkan tadi maka keadaannya akan bertambah rumit.

Sebaliknya jika kakitangan Parlimen diberi time off di sebelah pagi pada hari persidangan, akibatnya ialah penyediaan (preparation) Aturan Urusan Mesyuarat dan juga Laporan Rasmi Perbahasan Parlimen akan terjejas dan tidak dapat dibereskan, kerana mereka yang menyediakan Aturan Urusan dan Laporan Rasmi itu terdiri daripada jurutaip, kerani-kerani yang pembaca pruf, penterjemah-penterjemah, pemberita-pemberita dan yang lain-lain lagi akan terlibat dengan time-off. Ahli-ahli Parlimen juga akan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan khidmat mereka memberi laporan-laporan, rang undang-undang, risalat-risalat dan lain-lain perkara yang bersangkutan dengan persidangan Parlimen jika mereka tiada di pejabat kerana telah diberi time-off.

Saya merayu dan berhadap kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula perkara ini dan meneruskan pembayaran honorarium ini kepada mereka seperti biasa.

4.46 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, walaupun B. 1 sebagai permulaan, tetapi saya mula dengan B. 4 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, undang-undang negara sekarang telah dibuat oleh Dewan yang mulia yang kita ada bersama-sama dan Dewan ini diadakan ataupun Ahli-ahli Dewan disebabkan oleh pilihanraya maka di dalam B. 4, muka surat 38, ini amatlah mustahak sekali berkenaan dengan pilihanraya.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dahulu berkenaan dengan pilihanraya, muka surat 38, pertama sekali saya titikberatkan tentang pendaftaran pemilih. Pilihanraya kita telah diadakan sejak enam kali iaitu tahun 1955, 1959, 1964, 1969, 1974 dan 1978—enam kali.

Syukur kepada Tuhan tiap-tiap kali pilihanraya saya ada bersama sebagai seorang pengundi dan biasa juga menjadi calon tetapi dalam masa suasana pilihanraya yang amat menyedihkan banyak daripada penduduk-penduduk yang layak mengundi dan boleh mengundi, datang hendak mengundi, tetapi sayang nama mereka ini tidak ada di dalam pendaftaran mengundi. Pertama, silap dalam masa pendaftaran nama mereka, kedua mereka ini tidak didaftarkan.

Tuan Pengerusi, bila saya pandang kepada hari mengundi, saya akui walaupun ada orang yang fikir tidak begitu mustahak datang mengundi tetapi banyak yang memikir mengundi adalah mustahak iaitu sangat ingin mengundi. Seperti kata orang kita pukul gendang bila terdengar bunyi gendang, sedangkan hari dalam peperangan maka orang naik semangat untuk berperang. Apatah lagi mengundi dengan berbagai-bagai pemimpin dan berbagai-bagai parti semua orang ingin hendak mengundi. Dan sebelum dari itu pun ada kenangan hendak mengundi kerana hendak memilih Wakil Rakyat masing-masing. Tetapi sayang sebagaimana saya katakan tadi, saya tidak kata Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak baik. Kalau tidak baik, kita di dalam Dewan ini pun tidak ada. Tetapi kalau boleh hendak dibaiki lagi maka saya syorkan seperti yang saya cadangkan.

**Pendaftar Pengundi:** Tidak usahlah kita buat setahun sekali, kalau tidak silap saya tidak lebih daripada 42 hari. Umpamanya pada tahun ini menyemakan semula pendaftaran pengundi dimulakan kalau tidak silap saya pada akhir bulan September dan ditamatkan pada 8hb November iaitu bulan ini juga, malangnya kalau tidak silap 42 hari. Alangkah baiknya kalau kita adakan selalu pendaftaran mengundi, apabila cukup umur kita daftarkan. Adakan pegawai yang menjalankan tugas secara tetap. Kalau dalam segi kad pengenalan apabila cukup umur mesti dibuat kad pengenalan, kalau lewat sedikit kita denda dan sebagainya. Mengapa?

Perkara ini kita tidak mahu adakan selalu. Kalau pejabat tidak banyak, kita adakan selalu mengikut kadar yang berpatutan.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya berpendapat untuk melicinkan lagi kerja pendaftaran pengundi ini, caranya kita ubah. Saya tidak bangkang, dan ada setengah daripada pegawai Kerajaan telah mengambil masa yang lebih untuk menjalankan tugas, elau tambahan yang diberi kalau tidak silap saya di antara \$100—\$200 dalam masa pendaftaran bagi tempoh setahun. Tetapi apa yang saya merasa sedih masa yang mereka pergi tidak sesuai pada pukul 4.00—6.00 petang dan tempat yang mereka pergi juga tidak bersesuaian.

Saya contohkan di Perlis, salah satu tempat yang diadakan pendaftaran pengundi ialah di Dewan Orangramai dan satu tempat lagi ialah di Rumah Persinggahan (Rest House). Orang Perlis menganggapkan Rumah Persinggahan ini orang yang layak pergi ke situ ialah orang yang ada motokar, orang yang bergaji besar, lebih dahsyat lagi kadang-kadang mereka hanya suka hendak minum di situ sahaja. Walaupun ada tempat lain tetapi di situlah tempat dan matlamat yang ditujunya. Adakah tempat yang begitu bersesuaian? Dengan sebab itu orang yang sudah cukup umur tadi tidak ingin pergi ke situ. Bukan semua orang yang sudah cukup umur ada kerja, ramai belia-belia kita yang sudah cukup umur tidak mempunyai pekerjaan, dengan sebab itu mereka tidak gemar pergi ke tempat itu. Maka dengan sebab itu saya mencadangkan cara pendaftaran pengundi ini diubah dari satu masa kepada pendaftaran pengundi sepanjang tahun.

Pegawai Pendaftaran yang hendak mengambil pendaftaran di kampung-kampung hendaklah dilantik daripada ketua-ketua kawasan atau ketua-ketua kampung, berikan imbuhan kepada mereka lebih kurang \$30 sebulan atau lebih daripada yang diberi oleh Pejabat Tanah hari ini, kalau tidak silap saya, dalam sesebuah negeri ada yang mendapat \$360 atau \$500 setahun dan berbagai-bagai lagi. Mereka ini bertanggungjawab dan mereka tahu anak buah mereka masing-masing, bila sudah genap sahaja umur 21 tahun dengan sendirinya

mereka tahu. Ini diberi pendaftaran kepada orang yang tidak pernah masuk satu-satu kampung dan kadang-kadang tidak kenal langsung, tempatannya pula tidak menasabah, jadi ubahlah cara ini. Saya harap sangat dalam perkara ini, kerana kita tahu, kita memerintah secara demokrasi dan tiap-tiap rakyat berhak dan boleh mengundi. Rakyat hendak mengundi tetapi cara yang dibuat ini tidak sesuai, ubahlah dan saya merayu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita hendaklah mengkaji atas perkara ini. begitu juga kepada Suruhanjaya Pilihanraya, kalau difikirkan baik kita ubah, kita hendakkan orang mengundi dan kita hendak semua orang pergi mendaftar, tetapi cara yang dibuat ini setengah orang tidak tahu. Kalau diberi kepada ketua-ketua kawasan, mereka ini tahu anak buah mereka masing-masing, siapa yang sudah cukup umur, siapa yang mendaftar dan siapa yang tidak mendaftar, berikan elau lebih—tidak banyak hanya \$30 sebulan dan setahun \$360; mereka cukup bersyukur, bukan tiap-tiap hari orang hendak pergi daftar, tetapi mereka dengan sendirinya tahu kerana sudah menjadi ingatan dan lagi di segi lain mereka mudah. Perhubungan mereka itu rapat dengan ketua-ketua kawasan dan orang kampung tadi.

Tuan Pengerusi, kita sudah merdeka 21 tahun, pilihanraya sudah diadakan sebanyak enam kali, sebagaimana saya katakan tadi semenjak tahun 1955. Jadi patutlah disegenap segi termasuk kertas pencalonan itu digunakan Bahasa Kebangsaan. Saya berasa malu kadang-kadang orang Melayu sendiri yang berkuasa seolah-olah malu hendak menggunakan Bahasa Kebangsaan. Tetapi saya berasa kagum dua orang pemimpin negara asing yang melawat negara Malaysia yang masih hangat lagi iaitu pada 10hb November, 1978 Timbalan Perdana Menteri kanan salah satu negeri yang saya tidak payah sebutkan namanya sebab semua orang tahu. Sebelum daripada itu Perdana Menteri Vietnam. Jika saya kata mereka tidak tahu berbahasa Inggeris tidak patut, kerana mereka sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Tetapi yang kita kagum kerana mereka mengagungkan bahasa mereka sehingga sanggup di mana sahaja mereka berunding jurubahasanya masih ada berhampiran dengan mereka. Ini menunjukkan mereka cukup mengagungkan bahasa

mereka sendiri. Kita sudah 21 tahun merdeka, itu tidak boleh, ini tidak boleh, sampai kucing bertanduk pun tidak boleh kalau perkara ini kita tidak mahu buat. Saya berharap berkenaan dengan pilihanraya ini patutlah segala-galanya digunakan dalam Bahasa Kebangsaan, dari segi borang, dari segi percakapan dan dari segi apa pun gunakanlah Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada masa pendaftaran, calon itu soal lain tetapi masalah selepas mengundi ada dikatakan tidak pakai itu dan ini. Dengan itu saya berpendapat sepatutnya dalam segi pengkajian pilihanraya di masa-masa yang akan datang hendaklah diberi kursus yang cukup, mereka ini bukan tidak pandai, lebih pandai daripada saya, saya pun tidak berapa tahu berkenaan dengan perjalanan pilihanraya ini, saya hanya masuk jadi calon. Mereka ini hendaklah diberi kursus yang lebih cukup, janganlah selepas pilihanraya orang boleh adu, saman, sehingga bawa perkara ini ke mahkamah dan ada satu kes yang sehingga hari ini tidak selesai. Biar konkrit, jangan ada orang mengadakan tindakan balas, apa yang kita buat betul, semua orang hendaklah diberi kursus kepada pegawai-pegawai pilihanraya tadi. Itulah harapan saya supaya dapat dilicinkan perjalanan pilihanraya yang kita selalu adakan.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menyentuh Maksud B. 1 selepas saya menyentuh mengenai pilihanraya. Saya berpendapat walaupun pilihanraya ini di bawah Maksud B. 4 tetapi pada pendapat saya pilihanraya ini adalah satu perkara yang penting kerana dengan pilihanrayalah segala-galanya berjalan sebagaimana yang kita adakah pada hari ini.

Mengenai Maksud B. 1 saya juga menyokong apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi iaitu mengenai imbuhan, bayaran tambahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen. Sudah menjadi adat dunia kalau orang itu bekerja lebih, kita beri lebih; kalau tidak diberi, ini menjadi satu dosa; kenalah mereka diberi lebih. Kalau mereka bekerja lebih kerana ini sudah menjadi adat dunia, Tuhan pun menyuruh berbuat begitu, jikalau mereka minta apa yang patut kita buat kaji-

an dengan teliti dan di samping itu kedua-dua belah pihak, saya berharap kepada pihak kakitangan Parlimen bersabarlah, tuan-tuan ini duduk di tempat yang mulia, lain daripada tempat yang lain. Tempat inilah kita buat undang-undang negara, jangan Ahli-ahli Parlimen datang mesyuarat, tuantuan mogok, jadi hebohlah mesyuarat tidak jadi kerana pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen lari ke tempat lain. Walaupun gaji ada yang setengahnya sedikit tetapi anggaplah kami duduk di tempat membuat undang-undang negara. Di samping itu pihak Wakil Rakyat dan pihak Kerajaan kita berharap patutlah bertimbangrasa sangat.

Tuan Pengerusi, yang ketiga saya berpendapat dalam pentadbiran Parlimen di bawah Maksud B. 1 berkenaan dengan aturan tatatertib. Dewan ini Dewan yang mulia, kita boleh bercakap apa yang difikirkan baik untuk kebaikan negara, di samping itu Peraturan-peraturan Mesyuarat, isu-isu yang membangkitkan perkauman, tempik-menempik yang kurang sopan pada pendapat saya perkara ini patut diambil perhatian oleh Jawatankuasa Tatatertib Dewan. Saya tidak suruh mereka ini dilucut jawatannya, tetapi patut diberi nasihat yang sewajarnya, Dewan ini adalah Dewan yang mulia, patutlah jangan bawa satu-satu perkara yang boleh membangkitkan perasaan perkauman dan sebagainya. Itulah harapan saya.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B. 3—Juru Odit Negara. Wang negara kita banyak yang kita belanjakan, tetapi walau bagaimanapun banyak wang sekiranya kita belanja dengan tidak ada aturan, dengan membazir kata orang, tentulah tidak cukup dan dari segi ugama Islam kalau tidak silap saya, "Innal mubazirrin ihwani syaiyatin". Orang yang membazir itu saudara syaitan dan syaitan tempatnya dalam neraka, kalau syaitan dalam neraka maka kawannya ikut bersama dalam neraka. Oleh sebab itu kita tidak boleh membazir. Jadi hendaklah tahu samada membazir atau tak membazir, mengira atau mengodit itulah sebagai alasannya. Menasabahkan benda yang dibelanjakan dengan wang yang dikeluarkan, itu hendaklah tahu samada membazir atau tak membazir. Kalau satu bangunan misalnya patut dibelanjakan \$1 juta, tiba-tiba

dibelanja \$2 juta, jawabnya membazir tetapi kalau bangunan patut dibelanja \$4 juta dan \$4 juta juga dibelanjakan, itu tak membazir. Membazir ini pada pendapat saya yang tak bersesuaian dengan apa yang dibuat, maka Juruodit inilah orang yang menilaikan samada membazir atau tidak apa yang dibelanjakan oleh Kerajaan hari ini. Maka dengan sebab itu saya berpendapat dan saya mengesyorkan, saya bukan tidak akui Juruodit luar, swasta dan sebagainya saya berharap juruodit-juruodit ini biarlah daripada juruodit Kerajaan, jurukira Kerajaan. Hendak unkit hak Kerajaan juga daripada juruodit Kerajaan, jangan kita ambil juruodit-juruodit swasta dan sebagainya.

Saya tidak mahu kata mereka ini tidak bertanggungjawab kalau mereka buat tetapi tidak terikat satu benda dengan kesalahan, kadang-kadang dengan kehendak mengambil hati ketua dan sebagainya mereka boleh buat kalau mereka tak terikat. Dengan sebab itu saya berharap tambahlah lagi pegawai-pegawai kalau difikirkan tidak cukup—tambahkan lagi pegawai-pegawai dan pegawainya pula janganlah terjadi macam hari ini. Bagi kita orang kebanyakan dalam segi manapun, MIDF, Jabatan Odit, jabatan apa sekalipun, pegawainya kita ada tiga tangga. Tangga pertama, pegawai tinggi. Tangga kedua, pegawai tengah—pegawai inilah kebanyakan kerja yang dibuat. Tangga ketiga, pegawai rendah sekali. Kebanyakan orang yang jadi boss (ketua) itu bumiputra—Melayulah cakap terus-terang. Pihak tengah, orang yang akan menjalankan kerja, menjalankan itu dan ini, kebanyakannya bukan bumiputra. Yang paling ke bawah, iaitu peon itu dan ini, inilah tempat bumiputra. Kalau boleh tambahkan pegawai dan selaraskan mengikut keadaan-keadaan yang menasabah sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, selepas daripada Maksud B. 4 saya pergi kepada B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya juga bersetuju dengan setengah pendapat kawan-kawan tadi berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Banyak orang kita yang tak bersekolah, banyak yang menganggur, banyak yang minta kerja. Saya berharap dalam segi ini kalau ada sahaja kerja kosong

jangan kita tunggu lagi, isikan dengan seberapa cepat yang boleh—itu harapan saya. Kedua, kalau boleh saya tidak marah kepada orang yang tua-tua, berilah mereka sampai 60 tahun berkhidmat pun tetapi utamakanlah kepada orang muda. Ada setengahnya itu mereka sudah ada pencen diambil kerja lagi, saya tak larang tetapi saya kesihan mereka yang banyak tak ada bekerja. Dengan sebab itu saya berpendapat utamakanlah kepada belia-belua yang ada kelulusan yang patut dapat kerja daripada orang yang lebih umur, itu yang hendak diambil dahulu.

Saya amat dukacita sesudahnya macam saya kata tadi ada kerja kosong yang ditetapkan oleh Kerajaan jawatan itu kosong sampai beberapa lama tidak diisi dan yang menyodihkan juga sesudahnya dihantar surat temuduga wal hal kalau tidak silap saya ada keratan di dalam borang itu menjawab “Tuan berjaya” ataupun “tidak berjaya”. Sampai hati Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak hantar balik kepada hamba Allah yang menunggu itu. Mereka hendak minta jawatan lain kata orang angan-angan banyak sangat—tamak, yang itu tak hendak, yang ini tak hendak sedangkan yang temuduga sudah tidak dapat, boleh jadi ada biasa orang kata kamu boleh jadi dapat. Dengan sebab itu saya berharap waemah berjaya ataupun tidak berjaya bukanlah payah sangat, kalau tak silap saya pejabat inipun ada “Urusan Seri Paduka Baginda”, tidak payah beli stem, tulislah kepada hamba Allah itu kalau berjaya syukurlah, kalau tak berjaya pun “Dukacita tuan tidak berjaya, diharap cuba lagi”. Alangkah manisnya, jangan hingga tak berjawab suratnya. Inilah saya harap sangat.

Tuan Pengerusi, begitu juga dari segi kenaikan pangkat. Kalau tak silap saya dalam segi ini juga mengikut kata, ada rungutan-rungutan. Ada setengah kenaikan pangkat ini diutamakan sahaja kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik—PTD kata mereka. Ada setengah-setengah jawatan lain itu tak diambil hirau langsung, ada setengah yang patut naik pangkat dengan kebolehan, kelulusan, kerja dengan baik tetapi tak masuk dalam bahagian ini tak diambil berat oleh Suruhanjaya yang berkenaan. Saya harap kita timbangkan perkara ini. Kita bersyukur kepada Tuhan, barangkali

kepada tuan-tuan, pihak yang berkenaan harus orang segan hendak bercakap, kepada Wakil Rakyat Kangar ini selalu cakap sangat apa orang tak puas hati. Maka dalam Dewan yang mulia ini Wakil Kangar ini ingin menyampaikan dengan perasaan yang ikhlas apa yang orang tak puas hati, moga-moga kita dapat memuaskan hati semua orang. Bila kita memuaskan hati semua orang mengikut apa yang kita fikir patut yang diredhai tuhan dengan adil, kita akan dapat nikmat dengan rahmat bersama. Inilah harapan saya dalam segi ini.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga dalam Maksud B. 8, Aktiviti (5) Pentadbiran Agama Islam. Saya berpendapat Jawatankuasa ini patut juga mengawal tentang makanan-makanan yang haram ataupun yang halal. Sebelum satu-satu industri ataupun kilang mengeluarkan makanan, patutlah Jawatankuasa Majlis Hal Ehwal Agama Islam menubuhkan satu Jawatankuasa menyiasat dahulu supaya jangan terjadi macam apa yang terjadi kalau tak silap saya satu ketika dahulu dalam tin minyak itu dibubuh benda haram yang orang Islam tidak boleh makan dan baru-baru ini pula kalau tidak silap saya tengok dalam suratkhbar ada satu kejadian yang macam itu juga. Pendek kata satu-satu industri kita duduk dalam dunia ini cara berbilang kaum, kita orang Islam tidak pandang anti kepada bangsa lain, sebab itu kita boleh berkawan dengan semua orang tetapi kita mengikut adat, ada benda yang diharamkan oleh Islam tidak boleh makan tetapi kawan-kawan lain kita boleh makan, misalnya daging lembu. Kita bersyukur kepada Tuhan kita boleh makan lembu, Melayu boleh makan lembu, yang bukan Melayu pun boleh makan lembu, Islam boleh makan lembu, yang bukan Islam pun boleh makan lembu tetapi sayang ada jenis-jenis macam yang saya katakan kita tidak menghinakan babi tetapi bagi kita orang Islam yang mengakui agama Islam itu agama kita bagi kita babi itu haram. Kita tidak menghina babi dan tidak menghina orang makan babi tetapi bagi kita babi itu haram. Dengan sebab itu macam saya katakan tadi patutlah ada satu Jawatankuasa khasnya bagi orang Islam jangan terkena macam apa yang terjadi macam saya dengar di Kuala Selangor itu. Kita kaji dahulu satu-satu perkara apa yang kita hendak buat.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh pula Aktiviti (4) Keselamatan Negara. Saya berharap sangat dalam segi keselamatan negara, baik dalam pilihanraya, dalam apa sekalipun, issue-issue, perkara-perkara yang akan membawa huru-hara ataupun pergaduhan di antara satu kaum dengan satu kaum patut dijaga.

Kita sama-sama tahu hari ini manusia ini telah menjadi adat dia cukup sayang dua perkara. Dia pantang dicaci, pantang disentuh dua perkara—agama, bangsa dan bahasanya. Ini satu pantang. Kalau dia kata: kamu tak baik, dia boleh sabar tetapi jangan dikata: kamu bangsa tak guna, agama kamu tak baik, ini yang cukup dia jaga. Disentuh bahasa dia, bangsa dia, agama dia—dia cukup jaga. Dengan sebab itu saya berharap dari segi keselamatan negara, baik di masa pilihanraya, baik di dalam Dewan, sesudahnya kita sudah jadikan agama Islam agama rasmi, sesudahnya kita jadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan janganlah dalam Dewan ini pula, di luar Dewan dan sebagainya dibangkitkan soal-soal yang telah ditetapkan kerana soal ini soal perkauman, kerana soal ini membangkitkan perasaan marah bagi satu-satu orang macam saya kata tadi, baik soal agama.

Dalam pilihanraya pun saya berharap kalau boleh dengan boleh untuk menyelamatkan negara, soal agama jangan dibangkit terus, baikpun UMNO, DAP, PAS dan sebagainya. Jangan kita jual agama Islam yang mana suci untuk pilihanraya, dan dari segi keselamatan, kita kenal jaga kerana perkara inilah yang membawa manusia mudah marah. Dengan sebab itu saya berharap sangat perkara-perkara yang bersabit dengan agama, bersabit dengan bahasa, bersabit dengan bangsa diharamkan terus dalam Dewan ini, kerana ini membawa pergaduhan di antara satu dengan lain. Perkara agama masing-masing pegang dan masing-masing buat. Bagaimana kita tahu dalam agama Islam kita agama yang suci, bidang kita luas, tetapi sayangnya kadang-kadang dukacita, sebagaimana saya katakan tadi, bila sebut agama, orang mudah tertarik; sebut bahasa, orang mudah tertarik; sebut bangsa, orang mudah tertarik, tetapi sayang kadang-kadang ada golongan yang sanggup menjualkan bangsa, agama untuk kepen-

tingannya. Kadang-kadang orang kita ini mereka terikut apa kata pemimpin, apa kata tok guru, dengan sebab itu mereka sanggup berjuang, pada hal benda itu tidak betul. Dengan sebab itu, saya berharap untuk menyelamatkan dalam segi keselamatan negara, perkara ini patutlah dikaji cara betul-betul.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga dalam P.8, Butiran 8—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Saya ucapkan terima kasih tetapi yang saya berharap sangat atas dua perkara. Satu, biarlah peruntukan ini dibagi seboleholehnya seberapa awal yang boleh iaitu awal tahun, seperti saya kata bulan Mac atau April, kalau dibagi cepat dapat dijalankan dengan seberapa cepat yang boleh dan bukan setakat pemberian peruntukan sahaja. Peruntukan jalan sahaja tidak cukup.

Yang saya dukacita bila kita beri wang banyak, saya contohkan macam di Perlis telah berbangkit, wangnya kita bersyukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, khasnya Jabatan Perdana Menteri peruntukan jalannya boleh dikatakan cukup tetapi saya takut wang ini kalau dipulangkan balik, direvot peruntukannya kerana pegawainya tidak cukup. Kalau tak diperiksa hendak dibawa wang itu, boleh jadi BSN pula ikut. Saya tidak marah kepada BSN ini, kerjanya macam saya katakan tadi kalau membazir memang di segi ugama pun haram, tetapi dengan pegawai tidak cukup ini serba salah. Dengan sebab itu, saya berharap hantarlah wang supaya berlebih dan pegawai pula disamakan juga biar sepadan dengan apa yang kita hantar. Saya harap juga kalau boleh keadaan hari ini, keadaan sains dan teknologi, kata orang, janganlah di jalan kampung inipun kita hendak pakai tanah merah lagi. Kalau boleh kita bubuh tar walaupun tarnya nipis sedikit.

Hari ini saya berasa syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kerajaan kerana mengikut keadaan masa, jalan yang besar-besar macam jalan daripada Kuala Lumpur ke Perlis; ke Kangar, ke utara dan sebagainya diperbaiki di segenap segi. Yang bengkok diperbetulkan. Tidak apalah walaupun kami daripada utara, sebelah selatan, saya tidak tahu, wallahua'alam. Agak hari ini hendak

datang ke Kuala Lumpur lambat sedikit daripada biasa, kerana jalan itu sedang diperbaiki, yang bengkok hendak diperbetulkan, yang lekok hendak diperbaiki lagi, jadi dengan sebab itu, saya ucapkan terima kasih tetapi di samping jalan besar ini diperbaiki, di jalan-jalan kampung sekalipun saya harap begitu juga walaupun tidak sebaik macam jalanraya (main road) yang besar-besar, tetapi jalan kampung biarlah setaraf dengan keadaan zaman hari ini. Inilah harapan saya.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, bila sebut fasal jalan ini, izinkan saya bercakap terus terang apa yang terkena kepada saya di jalan utara. Bukan setakat buat jalan, jalan kampung semacam, jalan besar semacam, selepas buat jalan patut pula ada pengkajian untuk repair jalan supaya jangan lopaknya sangat dalam. Saya dengan kawan saya semalam jatuh dalam parit, tembus tayar, besinya hampir hendak bengkok disebabkan atas jalanraya. Bukan ada batang kayu tetapi lopak terlampau dalam, berlubang atas jalan. Saya berharap, baikpun jalanraya, jalan yang besar, jalan yang kecil, selepas kita membaiki jalan ini patutlah juga kita beri peruntukan untuk membaiki jalan ini. Jalan sahaja kalau sudah dibuat, kalau tidak dibaikki, benda itu tentulah tidak patut, sedangkan kita manusia sekalipun selalu kita ambil ubat, periksa doktor dan sebagainya, kita manusia ini boleh bercakap, kita tahulah khabar kata sakit atau tidak sakit, tetapi bagi jalan yang tidak tahu bercakap ia tidak tahu tetapi yang menjadi akibatnya kepada manusia balik. Dengan sebab itulah saya berharap di atas perkara jalan ini patutlah dibagi peruntukan yang agak lebih dengan pegawainya dan diberi tambahan selalu untuk memperbaiki jalan-jalan ini dibuat.

Begitu juga dalam Butiran 9—lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Kalau tidak silap saya termasuk dewan kecil, Dewan Orang Ramai seperti yang dibuat di masa-masa yang lepas, kalau silap pun kerana perkara ini tidak dinyatakan dengan terang, saya berharap dan saya fahamkan yang termasuk dalam Butiran 9 ini termasuk juga berkenaan dengan dewan. Sekarang ini selalu kita buat perjumpaan. Di masa-masa yang lepas telah kita adakan dewan kecil, Dewan Orang ramai, tetapi sejak akhir-akhir

ini tidak diadakan langsung, kononnya ada satu dua Dewan yang tidak digunakan oleh orang kampung, itu kita tidak nafi, menjadi tempat kambing berteduh, tempat padi dan sebagainya, tetapi kalau 10 dewan kita buat atau 20 dewan kita buat, dua disalahgunakan, adakah boleh kita katakan dewan ini tidak berguna. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah dewan ini diadakan balik, dibagi peruntukannya balik.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga dalam P. 8, Butiran 14—Yunit Amalan Nilai Pemakanan. Saya ucapkan terima kasih sejak akhir-akhir ini Kerajaan sungguh-sungguh ambil berat di atas perkara ini dan saya berharap sangat kalau boleh, kalau hendak beri anak ayam dan sebagainya, berilah dengan latihan yang cukup. Anak memelam, anak apa, banyaklah dalam Amalan Pemakanan termasuk pembahagian sekolah dan sebagainya, ini saya berpendapat satu perkara yang membawa kebaikan kepada orang kampung.

Tuan Pengerusi, berkenaan P. 8, Butiran 19—Menyediakan Kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi Peniaga-peniaga Kecil. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan, khususnya kepada Jabatan Perdana Menteri di atas perkara ini yang saya tahu di Perlis pun dapat peruntukan yang banyak, tetapi sayapun tidak tahu dibuat satu tempat peniaga itu tidak cukup, saya tidak tahu siapa salah, siapa yang buat. Bangunan tinggi melangit, di antara lantai dengan tempat duduk saya tidak faham sangat, macam menara Siam, terlampau tinggi, padahal bangunan itu kecil. Bangunan ini kalau tidak padan, dengan atapnya terlampau tinggi macam kita kata tulang bumbung terlampau tinggi dengan bangunan yang kecil, pada pendapat saya tidak stable, bila tidak stable, kita tengok tidak begitu elok. Tidak tahulah di masa yang lepas, cuma yang saya harap di masa yang akan datang perbanyakkan lagi, boleh jadi Kerajaan Perlis terpaksa masuk campur buat seperti itu, saya kata Pegawai Kemajuan Negeri kerana tempat itu tempat dipinjam bangunan Polis dan sehingga hari ini masih banyak lagi diminta oleh penjaja-penjaja kecil tidak cukup peruntukan setakat yang diberi pada hari ini. Saya harap dilebihkan lagi di samping kita beri lagi peruntukan peniaga-peniaga kecil bukan

sahaja bangunannya, kereta-kereta penjaja dan sebagainya, kita juga tolong tunjukkan jalan bagi kemudahan pinjaman seperti MARA dan sebagainya ala kadar setakat berpatutan, walaupun mereka boleh jadi kita kata sepintas lalu sampai sudah aku bagi kereta tolak, aku bagi motor kecil, aku bagi bangunan, sampai modalpun tidak tahu hendak ikhtiar sendiri. Boleh jadi bagi setengah orang yang susah, orang yang tidak ada daya-upaya, terpaksa kita mencarikan jalan juga cari bantuan ataupun menyokong kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya mendapat bantuan.

Tuan Pengerusi, B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam, biarlah saya bercakap sedikit berkenaan dengan pencen. Saya amat dukacita dalam perkara Aktiviti 6 berkenaan dengan pencen, saya berharap sangat-sangat pegawai-pegawai yang berpencen ini patutlah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengambil kajian yang sebenar. Mereka telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun, tetapi ada setengah daripada mereka dengan silap teknik mereka sendiri, failnya hilang, Pejabat Kesihatan cara kesihatan, pejabat itu cara pejabat itu, lambat sampai dan sebagainya. Jadi, saya berharap sangat kalau sudah mereka itu sanggup berkhidmat kepada negara sehingga umur 55 tahun, sesudahnya mereka berpencen, janganlah kita sahaja hendak bagi bonus kepada yang sedang bekerja ini, inipun patutlah kita bagi, tetapi kepada yang telah berkhidmat juga, patutlah kita bagi berbagai-bagai kemudahan pada mereka ini. Kadang-kadang biasa saya dengar yang berpencen itu, payah dapat, sampai dua tiga tahun, ada seorang hamba Allah sampai hari ini tidak dapat kerana silap fail, hilang fail. Yang satu lagi yang saya dukacita ada waran dihantar buat tuntutan pencen kerana terlampau lambat sangat. Jadi saya harap tolong segerakan di atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat cukuplah setakat ini pandangan-pandangan saya mengenai peruntukan yang diminta oleh Jabatan ini, dan sekali lagi saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Bacok.

5.21 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bacok):** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana diberi peluang untuk membincang dan membahaskan dua tiga perkara dalam Maksud B. 1 hingga B. 14.

Saya hanya akan menyentuh dua tiga perkara sahaja. Yang Pertama sekali ialah dalam B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya berkaitan pentadbiran di bawah Butiran 1100. Banyak sudah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya samada dari parti Kerajaan atau dari DAP, masalah pilihanraya dari peringkat menyediakan daftar pemilih sehingga sampailah kepada keselamatan dan ketenteraman pada hari mengundi. Saya rasa ada tiga empat perkara dalam soal pilihanraya yang belum disentuh lagi oleh sahabat-sahabat saya tadi iaitu yang pertamanya berkenaan dengan perlantikan pegawai dan penolong pegawai pendaftar pemilih. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya hendaklah dipilih daripada orang-orang yang betul-betul memahami konsep demokrasi berparlimen dalam negara kita ini supaya ia dapatlah mengamalkan amalan ikhlas iaitu sekira-kira seluruh orang yang layak mengundi dapat dicatitkan dan dapat didaftarkan sebagai pemilih. Kita tidak mahu orang yang layak mengundi masih ada beratus ribu di seluruh negara kita tetapi belum lagi nama mereka tercatat di dalam buku daftar pengundi.

Perkara kedua, ialah saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya melonggarkan peraturan pilihanraya iaitu misalnya surat sumpah seseorang yang bertanding dua kawasan Parlimen dan State, kemudian borang sumpah Parlimen itu berada dengan tidak disengaja di dalam kertas penamaan calon Dewan Negeri dan sebaliknya surat sumpah Dewan Negeri terdapat di dalam kertas penamaan calon Dewan Rakyat. Jadi sekiranya berlaku perkara kesalahan yang tidak disengajakan itu, patutlah pihak Pegawai Pengurus Pilihanraya memaafkan dan membetulkan perkara itu, sebab apa yang telah berlaku misalnya bila sahaja calon-calon dan rombongannya sampai ke tempat penamaan calon biasanya sebelum pukul 11.00 pagi. Dan setelah kertas penamaan calon itu diterima oleh pihak

Pegawai Pengurus yang tertentu, maka barisan calon-calon telah dibenarkan keluar berihat sementara waktu. Di waktu inilah kita bimbang mungkin timbul masalah-masalah politik umpamanya surat-surat yang ada di dalam fail-fail kertas penamaan calon itu tersalah diambil atau dimasukkan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Perkara ketiga, ialah soal penyokong-penyokong kepada seseorang calon. Kita faham dalam kertas penamaan calon ada pada barisan yang pertama ia pencadang dan yang kedua, penyokong dan ada lagi 8 nama lagi sebagai penyokong-penyokong. Jadi apa yang telah berlaku sekarang mengikut undang-undang pilihanraya yang ada sekarang tidak mengapa tandatangan penyokong-penyokong itu dibuat terdahulu daripada itu, maksud saya tidak mesti penyokong-penyokong itu hadir sendiri di hadapan Pegawai Pengurus pilihanraya itu untuk menandatangani. Saya mengesyorkan walaupun perkara ini agak terkebelakang atau kurang maju tetapi untuk mengelakkan daripada peniruan tandatangan yang sepatutnya dibuat sebenarnya oleh penyokong-penyokong itu, maka saya mencadangkan supaya ke semua pencadang dan penyokong-penyokong kepada seseorang calon itu hendaklah hadir pada hari penamaan calon mengikut jam dan waktu yang ditentukan. Jadi bolehlah disediakan suatu bilik yang berasingan untuk kertas penamaan calon itu ditandatangani oleh orang-orang yang berkenaan. Ini adalah untuk mengelakkan daripada tiruan tandatangan.

Perkara keempat, ialah, arahan kepada Pegawai Pengurus Pilihanraya hendaklah satu arahan yang betul-betul lengkap, sebab apa yang telah berlaku pada hari ini umpamanya Pegawai Pengurus Pilihanraya di sesuatu tempat, kita dapati tidak sama tentang menentukan kertas undi yang patut diberi kepada sesuatu calon sebab kita dapati ada setengah Pegawai Pengurus di dalam satu pilihanraya mengira sesuatu kertas undi itu rosak dan setengahnya berpendapat bahawa kertas undi itu boleh dipakai (dihitong). Ini dapat dibandingkan dengan keputusan pilihanraya baru-baru ini (8-7-1978) di mana kita dapati terlampau jauh perbezaannya di antara satu kawasan dengan satu kawasan

dari segi undi rosak. Umpamanya di Kelantan tidak ada undi rosak yang banyak berlaku di dalam kawasan pilihanraya hatta kawasan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri kawasan Ulu Kelantan yang kita dapati boleh dikatakan kawasan luar bandar dan terdiri daripada pengundi Orang Aslina hampir 2,000 orang, tetapi kertas undi yang rosak amat sedikit sekali. Tetapi sebaliknya pula kalau kita meninjau ke kawasan di mana negeri-negeri yang telah berkemajuan seperti Pulau Pinang, Perak, Melaka, Selangor dan sebagainya. Undi rosaknya banyak. Contohnya, satu kawasan Parlimen di Perak lebih daripada 2,000 undi rosak. Ini selain daripada sebab-sebab lain umpamanya seseorang pengundi itu tidak mahu menghargai undi mereka dengan memotong dari atas ke bawah ke semua simbol itu, tetapi ada satu perkara lagi, yang menentukan sesuatu undi itu dikira samada rosak ataupun sebaliknya dan diharap jangan sangat berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan-kawasan yang lain.

Perkara yang akhir di dalam soal pilihanraya ini ialah sistem membilang undi. Sistem membilang undi ada dua, pertama sekali apabila sahaja kertas-kertas undi itu diasingkan di dalam bakul-bakul yang tertentu mengikut calon-calon yang bertanding, maka di situ juga pembilangan undi itu dijalankan dengan keadaan bakul calon A berhampiran dengan bakul calon B; dan ini kerap kali terjadi kesilapan dan berbagai-bagai penipuan boleh dilakukan. Oleh sebab itu satu sistem membilang undi yang tidak mengelirukan hendaklah diadakan iaitu caranya apabila sahaja kertas-kertas undi itu diasingkan di dalam bakul-bakul tertentu sebelum daripada mengira sebanyak manakah undi kepada calon A itu didapati dan undi calon B itu diperolehi, maka bakul-bakul yang berisi dengan kertas-kertas undi itu mengikut calon-calon atau simbol masing-masing hendaklah diasingkan jauh. Ertinya calon B bakul-bakulnya hendaklah diasingkan jauh dan calon A bakul-bakul undinya hendaklah diasingkan jauh. Pada ketika itulah pengiraan undi boleh dijalankan dan ini tidak sekali-kali boleh mengelirukan dan saya percaya tidak ada syak wasangka dan tidak ada penipuan yang boleh dilakukan sekiranya ada setengah-setengah tempat penipuan dilakukan. Saya rasa dengan cara

itu akan selesailah penyelewengan sekiranya ada berlaku pada masa membilang undi itu.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh Maksud B. 8 muka surat 54. Bila memandang kepada Maksud B. 8, Butiran 1100, Pentadbiran Ugama Islam, saya dapati daripada butiran 1100, 1200, 1300, 2100 sampailah kepada 4100 iaitu mengenai perkara pentadbiran ugama Islam, saya merasa amat keciwa sekali kerana peruntukan yang diberi kepada Pentadbiran Ugama Islam ini adalah amat kecil bahkan kalau kita balik kepada seluruh anggaran ini maka ternyata bahawa peruntukan ini diletakkan di bawah lagi daripada Urusetia Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita tahu bahawa pada tahun ini perbelanjaan mengurus bertambah 8.1% sedangkan perbelanjaan pembangunan hanya 4.7% sahaja. Ini dapatlah difahamkan bahawa belanjawan negara kita bagi tahun 1979 masih lagi membayangkan ukuran yang tidak seimbang, penambahan perbelanjaan mengurus dengan pembangunan. Apatah lagi jika diteliti dan dihalusi dalam perbelanjaan pembangunan seluruhnya sebanyak manakah pula yang boleh diuntukkan kepada pembangunan rohaniah, jawapannya mengecewakan. Jadi saya yakin dan percaya dengan peruntukan pembangunan yang dikemukakan itu hanya membolehkan program material dijalankan tetapi apakah dengan pembangunan spiritual. Jelaslah kepada kita bahawa program-program pembangunan rohaniah ataupun spiritual, program-program membaiki akhlak, program-program mencegah kemungkaran adalah diabaikan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi kepada Bahagian Pentadbir Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah sebanyak \$2,745,300, jumlah ini adalah bukan bertambah daripada tahun 1978 malahan sengaja dikurangkan daripada tahun 1978. Peruntukan tahun 1978 adalah sebanyak \$4 juta lebih, kurang tahun 1979 daripada tahun 1978 sebanyak 32.7% iaitu bersamaan dengan \$1,347,700. Memang sebenarnya dikurangkan sebab bila kita kaji di muka surat 53 kita dapati bilangan jawatan dalam Bahagian ini pada tahun 1978

hanya sebanyak 317 orang manakala tahun 1979 hanya sebanyak 184 orang sahaja. Ini bererti kurang bilangan jawatan sebanyak 133 jawatan. Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar bahawa peruntukan yang diberi kepada Bahagian ini merupakan 0.025% jika dibandingkan dengan semua peruntukan mengurus Kerajaan sebanyak \$8,709 juta. Saya kira 0.025% ini bersamaan dengan 1/4000? Kenapakah Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan rela meletakkan pentadbiran Ugama Islam di bawah ataupun lebih rendah daripada Bahagian Urusetia Rukun Tetangga yang mendapat layanan yang lebih baik yang mendapat peruntukan sebanyak \$5 juta lebih iaitu dua kali ganda banyaknya daripada peruntukan yang diberi kepada Bahagian Pentadbiran Ugama Islam? Walaupun saya sedar bahawa masih ada lagi peruntukan keagamaan di bawah Kementerian-kementerian yang lain seperti peruntukan gaji Guru-guru Ugama di bawah Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya mengkaji semula peruntukan ini dengan menyusun program-program yang makkul lagi adil, mudah-mudahan Malaysia tidak akan diketawakan orang, Malaysia tidak akan diketawakan oleh negara-negara sahabat, negara-negara Islam dari Asia Barat yang banyak membuat berbagai-bagai hubungan dengan negara kita Malaysia.

Tuan Pengerusi, apakah wang sebanyak itu hendak dibelanjakan untuk Urusetia Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia? Padanlah Majlis ini hanya bermesyuarat beberapa kali sahaja. Apakah wang sebanyak itu hendak dibelanjakan untuk Majlis Hal Ehwal Ugama Islam di Wilayah Persekutuan? Apakah wang sebanyak itu hendak dibelanjakan untuk Instituti Dakwah dan Latihan Islam? Apakah wang sebanyak itu hendak dibelanjakan untuk Pusat Penyelidikan Islam? Apakah wang sebanyak itu dapat membentuk dan mengujudkan sebuah Masyarakat Islam yang progresif, dinamik yang berdasarkan hidup kepada mencari keredhaan Allah? Apakah wang sebanyak itu dapat memupuk dan mengujudkan Perpaduan umat Islam di negara ini? Apakah wang sebanyak itu boleh menjadikan Islam sebagai panduan dalam

usaha dan cita-cita Kerajaan khususnya yang mengenai orang-orang Islam?.....

**Tuan Pengerusi:** Itu termasuk dasar am, itu dalam masa sidang Majlis dulu boleh dicakapkan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Terima kasih, tetapi sedikit sahaja, saya hendak pergi kepada yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Kalau sedikit, khusus mengikut aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Ya, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya rasa untuk menjadi catitan, walaupun saya, mengikut Pengerusi berlawanan dengan Peraturan Mesyuarat, saya akan pindah kepada perkara lain. Tidakkah negara kita hendak membentuk angkatan pendakwah yang beriman, berilmu, berkhidmat dan bertaqwa? Tidakkah negara kita hendak menegakkan kepimpinan umat yang bertanggungjawab sebagai hamba Allah yang saleh yang sentiasa bersyukur? Tidakkah negara kita hendak meninggikan ekonomi Islam dengan menekankan pentingnya ekonomi bagi kekuatan umat Islam seperti Yayasan Ekonomi Islam?

Tuan Pengerusi, PAS akan menyokong cita-cita Kerajaan hendak melahirkan jenerasi muda Islam yang dipimpin, menaruh iman dan budaya Islam. Saya menaruh iman dan budaya Islam. Saya menyambut baik peruntukan pembangunan \$3.6 juta bagi tahun 1979 walaupun angka itu satu jumlah yang agak kecil jika dibandingkan dengan peruntukan pembangunan seluruhnya sebanyak \$4,861 juta.

Tuan Pengerusi, oleh sebab saya dinasihati oleh Tuan Pengerusi, saya menerima baik nasihat itu, maka saya berpindah.....

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak menyekat Yang Berhormat bercakap berapa panjang asalkan mengikut dalam Jawatankuasa ini iaitu khusus kepada butir-butirnya.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Saya berpindah pula kepada Maksud P. 8, Butiran 8—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, mengenai pemberian Jalan Luar Bandar, saya dapati peruntukannya begitu baik, cuma saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya selain dari peruntukan yang diberi kepada Jalan Luar Bandar mengikut peraturan tetap maka hendaklah satu pertimbangan khas patut diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri-negeri yang kurang maju khususnya kepada Kerajaan Negeri Kelantan mengenai jalan-jalan yang begitu buruk di luar bandar.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kelantan telah mendapat peruntukan yang begitu banyak maka sebahagian daripada peruntukan itu hendaklah diberi kepada Jalan-jalan Luar Bandar. Di dalam kawasan saya ada beberapa jalan luar bandar yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Jalan-jalan luar bandar itu ialah jalan daripada Repek Bachok ke Semerak sejauh 16 batu dan sekarang di dalam peringkat pembinaan. Rakyat dalam kawasan saya meminta supaya jalan itu dapat disiapkan sebelum tahun 1980. Dan ada tiga empat jalan lagi yang telah diluluskan oleh Kerajaan iaitu jalan-jalan daripada Wakaf Zain ke Pantai Senak, Jalan daripada Wakaf Zain melalui Kampung Pauh Sembilan ke Klinik Beris Kubor Besar dan jalan daripada Gunung ke Kubang Telaga serta jalan daripada Pintu Gerbang ke Beris Kubor Besar. Jalan itu sebahagian daripadanya akan dibuat dengan perbelanjaan Bank Dunia dan sebahagian besar daripadanya akan dibuat dengan perbelanjaan biasa. Buat masa ini keadaan jalan itu amat dahsyat sekali dan saya mohon supaya jalan yang baharu dilengkapi dengan tanda-tanda kayu merah hendaklah dipercepatkan pembinaannya, sebab kita tahu bahawa tahun ini tahun yang ketiga RMT dan tahun 1979 di mana tahun yang kita membahaskan anggaran ini tahun ke 4 RMT dan tahun 1980 tahun tamatnya Rancangan Malaysia Ketiga. Saya bimbang takut jalan-jalan yang telah diluluskan oleh Kerajaan itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh itu.

Dalam hubungan ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan walaupun jalan-jalan luar bandar yang dicadangkan itu terutama sekali yang telah diluluskan sebagaimana yang saya terangkan tadi ada di

antaranya mempunyai jambatan-jambatan. Banyak jambatan-jambatan terutama sekali jalan dari Gunung ke Kubang Telaga didapati ada lima ataupun empat jambatan. Jadi, walaupun jalan itu tidak dapat dibuat, tidak dapat dibina dengan baiknyanya, saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya jambatan-jambatan itu hendaklah disiapkan lebih dahulu setelah diukur di mana lalunya jalan yang tersebut. Ini supaya memudahkan kepada orang ramai melalui jalan itu dengan menyeberangi jambatan-jambatan yang tersebut.

Saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang patut saya sentuh dalam peringkat Jawatankuasa sebagaimana yang dicadangkan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi walaupun saya tidak dapat meneruskan ucapan dengan panjang kerana kesilapan siapa-siapa, tetapi adalah kesilapan saya sendiri. Saya ucapkan terima kasih.

5.45 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membuat beberapa pandangan dan teguran terhadap beberapa perkara yang dibentangkan di dalam Parlimen oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri.

Pertama sekali maksud Bekalan B. 1, Butiran 2600—Perkhidmatan Percetakan di Bangunan Parlimen. Anggaran tahun 1978 sebanyak \$21,000 manakala anggaran tahun 1979 \$12,900—kurang. Saya jangkakan di dalam negara kita yang baharu merdeka yang mengamalkan dasar demokrasi berparlimen, pada pendapat saya Parlimen ini menjadi satu panduan dan rujukan kepada semua warganegara dalam Malaysia ini terutama sekali di kalangan penuntut-penuntut dan sepatutnya Parlimen ini mestilah banyak mengeluarkan alat-alat bacaan sebagai panduan.

Sekarang ini sebagai contoh, Tuan Pengerusi, kita telah mengadakan lima kali pilihanraya, saya percaya ramai ataupun 90% daripada warganegara Malaysia terutama sekali di kalangan muda-mudi kita tidak tahu

siapa dia Ahli-ahli Parlimen yang telah dilantik pada pertama kali, kedua, ketiga dan keempat—rekod tidak ada.

Saya mencadangkan bahawa Parlimen ini sepatutnya mengeluarkan album berbentuk cenderamata yang memaparkan latar-belakang tiap-tiap Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat dan juga Dewan Negara, dikeluarkan sebagai buku panduan untuk dihantar kepada semua perpustakaan di sekolah-sekolah dan juga album dan cenderamata ini boleh kita gunakan sebagai cenderamata kepada pelawat-pelawat luar negeri yang melawat negara kita. Begitu juga boleh kita gunakan kepada Ahli-ahli Parlimen ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang melawat ke negara asing untuk menghadiri persidangan umpamanya. Saya rasa ini sungguh malang kerana ada di antara orang kita yang bertanggungjawab sebagai taking for granted sahaja dan tidak memikirkan kejahatan rakyat jelata mengenai Parlimen ini, kebanyakannya yang mereka tahu bangunan yang terseregam tetapi tidak tahu apakah kandungan yang ada di dalam Parlimen ini. Dan daripada segi ilmu pengetahuan pun ramai di antara murid-murid sekolah yang tidak tahu. Kalau yang tidak ada membaca suratkhbar tidak tahulah siapa Wakil Rakyat mereka. Kalau hendak dikaji ke belakang sedikit lebih jauh lagi. Jadi saya berharaplah untuk mendapatkan tambahan peruntukan supaya Parlimen ini dapat menerbitkan album yang berbentuk cenderamata sekurang-kurangnya pada tiap-tiap 5 tahun sekali dan hendaklah dimulakan daripada awal lagi sejak kita merdeka sebagai rekod dan album ini lengkap dengan latar belakang, gambar, jumlah pengundi, serba-serbi, kawasan dan sebagainya. Album ini sekarang kita panggil sebagai album tetapi dalam tempoh 50 tahun ataupun 40 tahun yang akan datang akan merupakan rujukan sejarah negara kita sendiri.

Kita yang ada pada hari ini bertanggungjawab untuk menyediakan bahan-bahan sejarah kepada generasi yang akan datang.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri, masalah Pentadbiran Ugama. Dalam perkara ini, saya minta maaf ini ada satu benda yang

saya bawa iaitu Compounded Brandy Extra Fine menggunakan label "Mahaguru". Perkara ini saya percaya ramai di antara kita telah membaca dalam akhbar. Saya bukan marahkan brandy ini, saya tidak minum brandy tetapi saya susah hati bagaimana perkataan "Mahaguru" ini telah diluluskan sebagai patent, sebagai label untuk minuman haram dan ini boleh membangkitkan perasaan tidak puashati dan boleh memecahkan perpaduan dalam negara kita ini yang memang bencikan Kerajaan dan ini saya rasa Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab. Tidakkah Jabatan Ugama Islam mempunyai Jabatan Penyelidik untuk membuat kajian ataupun tidakkah Jabatan Ugama Islam bukan sahaja di peringkat Pusat dan di seluruh negeri mempunyai penyelarasan dengan Kementerian-kementerian Pusat terutama sekali Kementerian Perdagangan dan tidakkah rujukan telah dibuat, yang ada perkataan-perkataan yang sensitif seperti "Mahaguru" ini ada kaitannya pada pandangan mulia daripada segi ugama ini dipersendakan untuk Compounded Brandy yang diproses, yang dibuat di dalam negara kita sendiri?

Jadi saya mencadangkan Kerajaan hendaklah bertegas mengharamkan label ini, bukan mengharamkan brandy; brandy ini memang halal di kalangan orang yang minum brandy, mengharamkan label nama "Mahaguru" ini. Saya minta Jabatan Perdana Menteri bertindak dan juga saya minta Jabatan Ugama Islam jangan tidur. Ini saya takut kadang-kadang benda itu telah diclek dalam suratkhbar, barulah ia bertindak. Kalau tidak ada orang ramai mencolek, tidak ada maknanya, tidak ada inisiatif di kalangan pegawai-pegawai di Jabatan Ugama Islam kita ini.

**Tuan Pengerusi:** Mereka cuma tidak pergi tempat jual brandy!

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Betul, Tuan Pengerusi, itu masalah brandy. Ini masalah dakwah songsang macam Abu Bakar Bapu yang baru-baru ini telah didenda. Itu hasil daripada kerjasama orang ramai tetapi apa yang saya hendak ialah Pegawai-pegawai Ugama Islam kita ini hendaklah dapat mencungkil sendiri, menggerakkan, menunjukkan kerja-kerja itu

kepada orang ramai, bukan daripada orang ramai mencolek, baru mereka hendak bergerak. Tetapi saya tidaklah menyalahkan pula, takut-takut ini ada kesilapan teknik di kalangan pentadbiran yang berlaku, boleh jadi kurang pegawai dan sebagainya. Masalah kurang pegawai ini sudah tiap-tiap kali saya bertanya, sudah 4—5 tahun begini juga keadaannya, bila hendak dibaiki. Ini mustahak, Tuan Pengerusi. Perkara yang penting yang mesti diusahakan, sebab agama Islam yang akan menentukan masa hadapan negara kita dan pengajaran ilmu pengetahuan agama juga yang akan menyelamatkan anak-anak cucu kita dan akan menyelamatkan negara kita. Selama hari ini bukan sahaja masalah minum haram ini sahaja bahkan juga macam dadah, sudah berbuih saya bercakap, tidak kuasa lagi saya hendak bercakap, sebab Kerajaan tidak buat apa-apa. Bila saya bercakap, Kerajaan kata akan dibincang, akan dikaji, tindakan tidak juga dibuat.

Saya rasa serahkan sahaja tanggungjawab ini kepada Jabatan Agama pula, cuba berikhtiar seperti kita mengamalkan "Sediakan payung sebelum hujan" di kalangan orang-orang kita dan dalam pada itu hendaklah juga agama kita ini jangan dipersenda-sendakan melalui minuman-minuman keras, seperti label yang saya bawa ini. Kalau Tuan Pengerusi hendak tengok, boleh saya serahkan kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah, nampak di sini!

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Yang ketiga, perkara Jabatan Agama Islam ini juga. Selalu kita baca dalam suratkhbar masalah ibubapa yang menerima kemalangan, meninggalkan anak-anak yatim. Yang cuma bertindak ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di bawah kepala mana? Tadi Perkhidmatan Percetakan.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Percetakan sudah habis, Tuan Pengerusi. Ini B. 8, masalah Pengurusan Pentadbiran Agama Islam. Sepatutnya Jabatan Agama Islam hendaklah juga menjalankan satu

usaha bagi menolong anak-anak yatim. Kalau perlu menetapkan satu undang-undang supaya boleh orang ramai dalam masalah kita hendak menolong anak-anak yatim. Bukan hendak menunggu bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tidak ada satu sistem, walhal saya perhatikan Jabatan Agama Islam ini banyak duit, apabila dibayar fitrah 5/8 diambil oleh Jabatan Agama Islam, apa yang dibuat duit kepada mereka itu. Yang saya risau ialah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri bukan ahli jawatankuasa yang mentadbirkan itu sibuk hendak buat rancangan, bagaimana hendak menggunakan duit itu supaya dapat menolong orang ramai—tidak, mereka sibuk bagaimana hendak menanam modal supaya mendapatkan banyak keuntungan daripada hasil yang dikutip daripada zakat fitrah. Inipun jalan juga, Tuan Pengerusi—tidak apa. Tetapi elok juga dibuatkan rancangan daripada duit yang dikutip daripada zakat fitrah itu bagaimana hendak memberi bantuan, menolong orang Islam yang miskin, yang betul-betul daif. Janganlah apabila dia mengadu, kata ini Jabatan Kebajikan Masyarakat, betul—itu Kerajaan keseluruhan, tetapi kepada orang Islam, ini patut diberikan perhatian, sebab ada hasilnya. Janganlah duit yang dapat hasil daripada zakat dan fitrah itu tidak dipergunakan dan disimpan sahaja menambahkan harta. Itu tidak patut dan tidak adil, Tuan Pengerusi. Jadi patut Jabatan Agama Islam di seluruh Malaysia ini, peringkat negeri menubuhkan tabung untuk membantu anak-anak yatim, dan jika perlu membina rumah anak-anak yatim daripada hasil kutipan dan derma orang ramai ditadbirkan dengan sempurna.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada P. 8 iaitu perkara peniaga-peniaga kecil, nampaknya ada bantuan yang diperuntukkan. Pada masa sekarang peniaga-peniaga kecil ini terutamanya sekali di kalangan peniaga-peniaga Bumiputra tidak ada satu tempat yang sungguh-sungguh mereka hendak dapatkan bantuan sekurang-kurangnya nasihat. Sekarang ini simpang-perinang, mengharapkan melalui persatuan sahaja. Tetapi daripada pihak Kerajaan tidak ada satu Kementerian ataupun tidak ada satu Menteri yang sungguh-sungguh bertanggungjawab yang mempunyai Jabatannya

untuk menolong masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil. Ini saya tengok Jabatan Perdana Menteri ada menguntukkan wang sebanyak \$11.5 juta.

Tuan Pengerusi, kalau tidak ada satu sistem dan tidak ada satu cara tadbir, saya takut esok bantuan-bantuan ini merupakan bantuan masuk angin keluar asap sahaja. Duit habis, keadaan peniaga-peniaga kecil simpang-perinang, tidak tentu arah, tidak mempunyai satu tempat dan tidak mempunyai satu dasar.

Jadi dalam perkara ini, sukacita saya mencadangkan kepada Kerajaan hendaklah mengujudkan satu dasar kebangsaan bagi mentadbirkan masalah-masalah penjaja-penjaja kecil. Mereka tahu siapa yang hendak menjadi peniaga kecil, dia tahu apa dia syarat-syarat dan di mana tempat hendak mengadu, apa dia ruangan-ruangan dia boleh berniaga. Kita mesti ada satu dasar peringkat kebangsaan yang disebutkan nasional policy kalau perkara ini hendak dilaksanakan dengan sempurna. Sebab inilah satu cara untuk kita hendak memastikan rancangan-rancangan ekonomi kita berkehendakkan penyertaan bumiputra.

Kita telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan, tetapi penyediaan di peringkat asasnya, tidak ada. Dan Kerajaan tidak menafikan, memberi segala jenis kemudahan pinjaman, tempat dan sebagainya tetapi tidak mempunyai satu dasar yang tertentu. Jadi saya berharaplah, Tuan Pengerusi, waktu kita menyokong perbelanjaan di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab di atas masalah peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga kecil ini mengujudkan satu dasar yang boleh dijadikan sebagai panduan. Kita mulakan daripada sekarang, kalau tidak berjalan dengan baik, kita baiki dan perkara ini dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan diterima dan boleh dijadikan sebagai panduan untuk keseluruhan negara dan ada tempatnya yang tertentu dan sesuaiilah dengan peruntukan yang begitu besar, berjuta-juta yang diluluskan oleh Kerajaan kita bertujuan untuk membantu mereka.

Setakat itulah, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong.

6.02 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Pengerusi, izinkan saya, merujuk kepada Butiran 1100 berkenaan dengan Pentadbiran Am Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Maksud B berapa?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Maksud B. 1, Aktiviti (1) dan (2).

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Terima kasih. Saya turut sama, Tuan Pengerusi, menyokong apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit yang mana telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan Honorarium bagi pekerja-pekerja Dewan Parlimen ini. Saya tidak mahu mengulang balik di atas ulasan-ulasan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Parit, cuma saya hendak menyatakan bahawa apa yang beliau telah menyatakan itu membayangkan hasrat sebilangan besar 'back benchers' yang ada di sini. Kalau pun bukan semua yang telahpun berucap, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Parit dan saya yang satu mencadang dan saya menyokong bagi pihak seluruh kami di sini, kerana rasanya kurang tepat kalau semua bercakap di atas perkara yang sama. Jadi saya berharap, Tuan Pengerusi, bahawa Kerajaan akan mengambil berat di atas apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit berkenaan dengan honorarium pekerja-pekerja ataupun kakitangan-kakitangan Parlimen kita.

Cuma saya suka menyatakan, dengan izin, Tuan Pengerusi: Charity begins at home.

Yang Kedua, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu Butiran 1100, Aktiviti (1) berkenaan Pentadbiran Am. Lebih tepat bersabit dengan Bahagian Istiadat, yang mana bahagian ini ditugaskan untuk menyediakan majlis-majlis bagi pihak Perdana Menteri di dalam mengalu-alukan pembesar-pembesar negara asing yang datang ke negara kita.

Saya mengucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana secara kebetulan saya dijemput untuk menghadiri majlis-majlis tersebut dan juga dapat menerima jemputan itu dan saya suka mengambil kesempatan ini

mengucapkan tahniah dan syabas di atas cara-cara Bahagian Istiadat ini menyediakan majlis-majlis bagi menyambut meraikan pembesar-pembesar negara asing bagi pihak Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Boleh dikatakan majlis-majlis tersebut bertambah baik, bertambah teratur dari masa ke semasa. Kalau saya boleh memberi contoh, Tuan Pengerusi, kalau dahulu pada suatu ketika 'toast' pernah kita gunakan dengan minuman keras, tetapi sekarang sudah tidak ada lagi menggunakan bahan-bahan seperti itu. Tetapi ada juga beberapa perkara yang boleh diperbaiki dari semasa ke semasa kerana kebetulan akhir-akhir ini saya dapat pula menghadiri satu lagi majlis bagi meraikan seorang pembesar negara asing dan saya dapati, Tuan Pengerusi, yang pertama ialah berkenaan dengan makanan yang dihidangkan. Makanan yang dihidangkan di dalam majlis makan yang telah saya dapat hadir baru-baru ini ialah satu jenis makanan bukan daripada negara kita. Lebih tepat satu jenis makanan negara Eropah. Malah di dalam menu, di dalam karta jamuan itu pun nama-nama makanan di dalam bahasa Perancis. Saya bukan menyatakan, bahawa makanan itu tidak sedap, tidak enak, malah saya mengucapkan tahniah kerana makanan itu sedap dan juga menarik. Cuma yang saya bangkitkan jamuan makan seperti itu tidak kena pada tempatnya kerana jamuan itu adalah jamuan negara, jamuan bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meraikan seorang pembesar negara asing.

Saya berpendapat bahawa di dalam Majlis Makan semacam itu maka unsur-unsur negara kita hendaklah ditonjolkan.

Saya percaya ada jenis-jenis makanan di negara kita yang boleh dihidangkan di dalam Majlis itu. Kalau ada yang menyatakan bahawa mutu ataupun jenis makanan kita tidak begitu sama tarafnya dengan jenis makanan Eropah, kalaulah ada yang menyatakan demikian, maka saya menjawab, Tuan Pengerusi, bahawa kalau begitu keadaannya bila masanya lagi kita boleh meningkatkan mutu jenis makanan negara kita kalau kita tidak mulakan di majlis itu? Kalau kita tidak menunggu supaya jenis makanan negara kita sama tarafnya dengan

jenis-jenis makanan negara asing, kalau kita hendak menunggu masanya itu tiba, bilakah akan sampai masanya untuk kita menghidangkan makanan jenis yang ada di negara kita ini untuk majlis seperti demikian?

Saya rasa amat terharu sekali, Tuan Pengerusi, bahawa pada malam itu jenis makanan yang berteraskan negara kita langsung tidak ada.

Yang kedua, di dalam majlis itu, Tuan Pengerusi, suatu pertunjukan kebudayaan dipersembahkan. Dalam pertunjukan kebudayaan yang dipersembahkan itu entah kebudayaan apapun saya kurang pasti: hendak dipertanyakan kebudayaan Indonesia—bukan; hendak dikatakan kebudayaan Thailand—bukan; hendak dikatakan kebudayaan India pun—bukan; hendak dikatakan kebudayaan Malaysia apatah lagi? Jadi saya sungguh-sungguh berharap bahawa pegawai-pegawai Bahagian Istiadat hendaklah amat berhati-hati di dalam memilih tarian-tarian bagi dipersembahkan di dalam majlis-majlis yang begitu penting yang mana ramai duta-duta asing hadir, ramai pembesar-pembesar negara hadir dan ramai pemerhati-pemerhati asing hadir lebih-lebih lagi rombongan daripada negara yang kita sedang raikan. Saya tidak menyatakan bahawa persembahan itu tidak molek, tidak cantik, tidak indah; persembahan itu menarik, persembahan itu memang menyeronokkan dan penari-penari itu amat mempunyai bakat dan tarian-tarian mereka penuh sempurna dan memuaskan, tetapi soalnya tarian yang dipersembahkan itu tidak kena pada tempatnya seperti mana juga hidangan lazat daripada Eropah, tetapi tidak kena pada masa dan tempatnya. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya merayu kalau boleh di masa-masa yang akan datang biarlah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam menyediakan dan mengelolakan majlis-majlis yang saya sebutkan tadi berhati-hati kerana apa yang mereka lakukan boleh menjejaskan dan mencacatkan imej negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada satu lagi perkara iaitu bersabit dengan Ketua Hakim Negara iaitu Butiran 1100—Gaji dan Upahan bersabit dengan Mahkamah-mahkamah dan Pentadbiran.....

**Tuan Pengerusi:** Adakah maksud Yang Berhormat Kepala B. 10?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Butiran 1100.

**Tuan Pengerusi:** Butiran 1100 boleh dijumpai di semua Kepala. Kepala B yang mana?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Berkenaan dengan Pentadbiran Am di bawah Aktiviti (1) dan Mahkamah-mahkamah Tinggi di bawah Aktiviti (2).

**Tuan Pengerusi:** Kehakiman B. 10?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** T. 3 di sini.

**Tuan Pengerusi:** T. 3 tidak dibincangkan di sini. Kita di sini masih menimbang Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 14 dan Maksud Pembangunan P. 8, P. 9 dan P. 10 sahaja.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Saya minta maaf Tuan Pengerusi, kalau begitu saya sudah tersilap. Jadi saya ingat itu satu daripada yang telah pun kita bincangkan dan saya akan memberi pandangan apabila sampai kepada Kepala itu.

**Tuan Pengerusi:** Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

6.14 ptg.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan perbincangan kita di peringkat Jawatankuasa. Ada pandangan-pandangan yang telah diberikan dan saya fikir tidak perlulah saya menjawabnya, hanya untuk mengambil dalam ingatan, tetapi ada juga perkara-perkara yang telah ditimbulkan yang saya fikir mustahak saya berikan jawapan ataupun ulasan.

Yang pertama sekali sukalah saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang telah

menimbulkan perkara berhubung dengan Jamuan Negara iaitu di mana mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja makanannya tetapi pertunjukan keseniannya juga Ahli Yang Berhormat tidak tahu daripada mana datangnya, umpamanya makanan walaupun lazat tetapi asal-usul makanan itu ialah daripada negara Eropah. Jadi Ahli Yang Berhormat itu menganggap bahawa ini tidaklah sesuai kerana itu merupakan satu Jamuan Negara dan mestilah kalau boleh cari jalan supaya pihak Kerajaan mengadakan hidangan makanan yang sesuai dengan kedudukan negara kita.

Yang kedua, berkenaan dengan Jamuan Negara juga Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menimbulkan tentang pertunjukan kesenian yang mana tidak jelas asal-usulnya kesenian itu, mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat itu kesenian itu samada datangnya daripada India, atau datangnya daripada negeri Thai ataupun datangnya daripada negeri Malaysia. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa pada pendapat saya dan juga pada pendapat Kerajaan pertunjukan kesenian ini bukanlah merupakan pertunjukan kebudayaan yang mana kita faham daripada tumpuan kebudayaan itu, iaitu kebudayaan dari segi cara hidup kita bahkan pertunjukan kesenian ini merupakan pertunjukan yang cuba menggubalkan ataupun mencari satu kesenian yang boleh dipentaskan di majlis-majlis negara seperti Jamuan Negara yang baru diadakan. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang berhubung dengan Jamuan Negara akan ditimbang dan saya akan majukan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk dapat kita mencari penyelesaian yang berpatutan dan juga faedah yang dapat diterima oleh semua pihak.

Tuan Pengerusi, sukalah saya mengambil kesempatan ini memberi jawapan kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan dari Parit dan kalau tidak salah saya juga Sepang berhubung dengan pembayaran Honorarium kepada kakitangan Parlimen iaitu semasa Ahli-ahli Yang Berhormat membincangkan tentang Maksud Peruntukan B. 1 di bawah Jabatan Parlimen. Seperti mana yang telah dikatakan oleh Ahli-

ahli Yang Berhormat tersebut memanglah pandangan-pandangan serta hujjah-hujjah yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu menjadi perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet tentang gaji dan perkara-perkara itu semua telah menjadi perkara yang dipertimbangkan dan ditelitikan dengan sehalus-halusnya dan mengikut keputusan Jawatankuasa Kabinet dalam perkara ini sukalah saya memaklumkan bahawa mereka yang layak untuk mendapat pembayaran lebih masa (overtime) akan dibayar lebih masa (overtime) mengikut kadar biasa yang telah ditetapkan. Tetapi bagi mereka yang tidak layak dibayar overtime maka mereka akan diberi cuti gantian (time off) di masa Parlimen tidak ada sebarang mesyuarat.

Berilah pula kepada perkara B. 4 yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Tumpat, Bachok dan juga Kangar yang telah menyentuh tentang Maksud B. 4 iaitu berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya, sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara ini memang sudah kerap kali ditimbulkan banyak kali disoalkan dan banyak pula cadangan-cadangan yang telah ditimbulkan setiap kali Dewan ini bermesyuarat. Pendekata, perkara ini bukan sahaja berlaku pada tahun ini bahkan berlaku pada tahun yang lepas dan setiap kali ada sidang Parlimen perkara ini telah dibincangkan dan disoalkan dengan begitu hangat. Umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan masalah berhubung dengan borang-borang penamaan calon dan Ahli Yang Berhormat itu telah mengesyorkan supaya borang-borang ini dimudahkan dan disenangkan bagi orang-orang yang hendak menjadi calon memahami borang-borang ini serta mengisinya tanpa sepertimana Ahli Yang Berhormat itu telah menyebutkan, beliau menggunakan kata-kata yang telah dikeluarkan oleh seorang Hakim, iaitu dengan izin seumpama satu "Bureaucratic Booby Trap". Kalau tak salah saya pandangan Hakim tersebut juga telah mengatakan bahawa gambaran yang diberikan oleh mereka yang telah gagal di dalam penerimaan pencalonan mereka itu mereka telah memberikan gambaran seolah-olah kertas penamaan calon ini diserahkan kepada bakal-bakal calon itu pada masa itu

juga dan dalam keadaan itu tentulah bakal-bakal calon ini tidak mempunyai kemampuan untuk mengisinya dengan tepat. Tetapi sepertimana Hakim tersebut telah mengatakan bahawa sebenarnya borang-borang ini telah diberikan terlebih awal lagi hampir seminggu sebelum hari penamaan calon. Jadi masa yang telah diberikan kepada bakal-bakal calon ini untuk mengisi borang-borang itu adalah mencukupi sekiranya bakal-bakal calon ini mempunyai minat yang sebenarnya untuk mengisi borang-borang penamaan calon dengan sebaik-baiknya.

Tambahan daripada itu, Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya sendiri pun telah memanggil wakil-wakil daripada parti-parti siasah untuk diberi taklimat di atas bukan sahaja borang-borang pencalonan tetapi juga dengan kesalahan-kesalahan pilihanraya. Jadi dengan adanya persiapan seperti ini di mana Suruhanjaya Pilihanraya mengambil berat dengan memanggil parti-parti siasah ataupun wakil-wakil daripada parti-parti siasah untuk memberikan satu taklimat untuk memudahkan perjalanan pilihanraya pada masa yang akan datang, saya percaya tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa cara penamaan calon ini tidak menasabah, saya fikir tidak dapatlah diterima.

Soal samada keputusan pegawai pengurus itu betul atau tidak di dalam menolak sesuatu kertas penamaan calon ini juga tidak boleh disoalkan sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tetapi ini tidak pula menghalang seseorang yang merasakan bahawa ianya terganggu ataupun tersekat daripada bertanding di dalam pilihanraya oleh kerana kertas borang pencalonannya itu tidak diterima oleh pegawai dan pengurus pilihanraya, ini tidak menghalang mereka untuk membuat tuntutan (petition) kepada Hakim Pilihanraya Mahkamah Tinggi. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur bahawa proses ini sentiasa terbuka dan sekiranya keputusan pegawai dan pengurus pilihanraya itu tidaklah benar, tidaklah patut, bolehlah dan sentiasa diadakan kebebasan bagi Hakim ataupun Mahkamah untuk membenarkan satu pilihanraya kecil diadakan. Dalam soal ini, saya fikir tidaklah menjadi satu perkara

yang sulit, tetapi walau macam manapun, dalam soal borang dan soal untuk memudahkan perkara-perkara ini, kami pihak Kerajaan akan menimbangkannya dari semasa ke semasa.

Walaupun ada terdengar pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kangar iaitu mengatakan bahawa tulisan Bahasa Malaysia itu telah tidak diberikan kedudukan yang begitu tinggi oleh kerana dalam kertas penamaan calon bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia duduknya sama besar dan sama tinggi di dalam kertas penamaan calon itu tetapi sukarlah saya menerangkan dan menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kangar berhubung dengan penggunaan bahasa di dalam kertas penamaan calon itu. Kalau kita perhatikan betul-betul borang itu menunjukkan bahawa bahasa Malaysia digunakan dengan perkataan-perkataan yang besar dan bahasa Inggeris hanya menggunakan perkataan-perkataan kecil. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu kalau boleh kita memindahkan supaya hanya satu bahasa sahaja pihak Kerajaan akan menimbangkan cadangan itu dari semasa ke semasa untuk memastikan supaya perjalanan dan cara pilihanraya berjalan dengan licin.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menimbulkan masalah berhubung dengan pendaftaran dan penyemakan pendaftar pemilih. Ini juga satu perkara yang sentiasa dibangkitkan setiap tahun setiap kali diadakan persidangan Parlimen dan lebih-lebih lagi sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa selepas pilihanraya tentulah Persidangan Parlimen Yang Pertama menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu di dalam soal ini. Umpamanya, saya sendiri dalam soal ini telah banyak menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada

parti Pembangkang dan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut sangat-sangat mengambil perhatian bahawa seolah-olah cara pendaftaran pemilih-pemilih dan pengundi-pengundi pada masa ini tidaklah sesuai dan tidaklah memadai dengan keadaan sekarang. Seperti mengikut kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu bahawa cara pendaftaran pengundi-pengundi tidak menggalakkan rakyat yang berkelayakan untuk mengundi untuk mendaftarkan secara maksima dan tidak juga menggalakkan pendaftaran dengan secara seluas-luasnya.

Sepertimana saya telah menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia beberapa hari yang lalu dalam perkara ini soal samada sambutan itu satu sambutan yang maksima ataupun menggalakkan pendaftaran dengan peringkat maksima terpulangnya kepada orang ramai sendiri dan bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya sendiri pun telah mengiklan nama, alamat dan juga nombor telefon Pegawai-pegawai Pendaftaran iaitu berjumlah 154 bagi setiap satu kawasan Pilihanraya Parlimen, sebanyak 154 Pegawai Pendaftaran. Semua nama, alamat dan nombor telefon mereka ini telah diiklankan di dalam suratkhabar.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat panjang lagi hendak menjawab?

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Ada, boleh saya sambung lagi?

**Tuan Pengerusi:** Boleh sambung besok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 15hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*